


Jilid I
Bil. 66



Hari Selasa
18hb November, 1975

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 7369]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1976 [Ruangan 7402]

USUL:

Anggaran Pembangunan Sementara, 1976 [Ruangan 7402]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Selasa, 18hb November, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. Tengku Seri Mara Raja (Kota Bharu).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.N., A.D.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABDUL SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).

Yang Berhormat TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).

- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED (Arau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Gerik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beras).

- Yang Berhormat** DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

- Yang Berhormat** Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat** Perdana Menteri, dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., S.I.M.P., K.O.M. (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., S.I.M.P., P.I.S. (Sri Gading).
- Yang Berhormat** Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabohan Kelang).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K., Datuk Sri Paduka Raja (Nilam Puri).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Ulu Padas).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).

- Yang Berhormat TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- " TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- " TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- " TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- " TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- " TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- " DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- " TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- " TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- " TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- " TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- " TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- " TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- " TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- " DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- " DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- " DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- " TUAN LUHAT WAN (Baram).
- " TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- " DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- " TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- " TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- " TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- " TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, P.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- " DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- " TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- " DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- " TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- " TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- " TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- " TENGKU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- " TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- " TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- " PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- " TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- " TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- " TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- " DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- " TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Majid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suher bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

ROMBONGAN MENKAJI PARLIMEN (PARLIAMENTARY STUDY GROUP)

1. Tuan Chian Heng Kai (*di bawah S.O. 24* (2)) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada suatu Rombongan Mengkaji Parlimen (Parliamentary Study Group) dari setiap parti politik boleh melawat Negeri China, dan nyatakan mengapa permohonan untuk mengadakan lawatan balas-membalas di antara Persatuan Perubatan Malaysia dan Persatuan Perubatan China ditolak.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, berkenaan cadangan lawatan rombongan mengkaji bagi Ahli-ahli Parlimen, saya hendak tahu di negeri China itu apakah jenis Parlimennya yang hendak dilawat sangat.

Berhubung dengan soalan kedua, Kementerian telahpun meluluskan dua dari tiga permohonan-permohonan Persatuan Perubatan Malaysia untuk melawat ke negeri China. Saya pun merasa pelik juga mengapa ke negeri China sahaja yang mereka ambil perhatian untuk melawat.

KESALAHAN MEMILIKI SENJATAPI

2. Tuan Embong bin Yahya minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

(a) samada Kerajaan sedar oleh kerana tidak menguatkuasakan sepenuhnya peruntukan di bawah Seksyen III Akta Keselamatan Dalam Negeri mengenai kesalahan memiliki senjatapi, peluru atau bahan letupan tanpa kebenaran pihak berkuasa telah menyebabkan anasir-anasir anti-nasional dan penjahat begitu berleluasa bertindak mengganas di waktu akhir-akhir ini; dan

(b) samada Kerajaan memikirkan perlu bahawa Akta tersebut dikuatkuasakan terus-menerus selama-lamanya.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan di bawah Bahagian III, Akta Keselamatan Dalam Negeri telah tidak dapat dilaksanakan terhadap tiap-tiap kes memiliki senjatapi untuk tujuan mengganas kerana keengganan saksi-saksi memberi keterangan di mahkamah. Di samping itu sudahpun sedia ada Undang-undang Senjatapi yang memperuntukkan hukuman-hukuman yang berat dari kesalahan-kesalahan memiliki senjatapi secara haram.

Memandangkan kepada perkembangan baru dalam beberapa bulan yang lalu, pihak Kerajaan telah memutuskan supaya Bahagian III, Akta Keselamatan Dalam Negeri dikuatkuasakan dengan lebih luas untuk menjamin supaya kes-kes di bawah peruntukan Bahagian III itu dapat didakwa di mahkamah dengan jayanya, maka Kerajaan telah membuat Undang-undang baru tahun 1975 yang memperuntukkan cara-cara khas bagi perbicaraan kes-kes security. Dengan adanya undang-undang baru ini adalah diharapkan saksi-saksi bersedia memberi keterangan-keterangan yang perlu untuk kejayaan kes-kes itu. Memanglah tujuan Kerajaan untuk menguatkuasakan undang-undang ini supaya dapat penganas-pengganas komunis dihapuskan.

HAKMILIK PERUSAHAAN AWAM KEPADA BUMIPUTRA

3. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim minta Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam menyatakan bilakah Kerajaan akan menyerahkan aktiviti-aktiviti perdagangan dan perusahaan daripada Badan-badan Berkanun Kerajaan Negeri kepada Syarikat-syarikat Bumiputra, jika telah ada, butirkan di negeri mana dan apa jenis perdagangan dan perusahaan itu.

Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk memindahkan hakmilik perusahaan awam kepada Bumiputra di waktu dan di dalam keadaan yang sesuai yang akan menguntungkan Bumiputra sendiri.

Sehingga ini belum ada lagi pemindahan hakmilik perusahaan awam Perbadanan-perbadanan Negeri yang telah dilaksanakan.

Walau bagaimanapun saya ingin menyatakan bahawa telah ada beberapa Perbadanan-perbadanan Negeri terutama Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri yang menjalankan usaha-bersama dengan Bumiputra ataupun di mana sebahagian daripada saham-saham anak-anak syarikat Perbadanan tersebut dimiliki oleh Bumiputra. Sehingga hari ini 9 Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri melalui anak-anak syarikat masing-masing telah mengadakan usaha bersama dengan peniaga-peniaga Bumiputra dalam perusahaan dan perdagangan atau mempunyai penyertaan Bumiputra di dalam syarikat-syarikat masing-masing. Jumlah penyertaan Bumiputra di dalam syarikat-syarikat berkenaan ialah sebanyak \$5.232 juta, di dalam 24 buah syarikat. Ada di antara syarikat-syarikat ini pula mempunyai penyertaan Bumiputra sehingga 70% dan 10 daripadanya mempunyai penyertaan Bumiputra lebih daripada 30%. Ini bolehlah dianggap sebagai satu langkah permulaan yang dijalankan oleh Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri kepada penyerahan hakmilik kerana kemungkinan besar pemegang-pemegang saham Bumiputra ini akan diberi keutamaan di dalam sebarang penyerahan yang akan dilaksanakan nanti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ingin saya menyatakan di sini bahawa janganlah kita tergesa-gesa sangat dalam proses penyerahan itu kerana banyak faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan. Sebelum sesuatu penyerahan hakmilik dilakukan, Kerajaan perlu memastikan yang sesuatu perusahaan itu berkemampuan membuat keuntungan yang secukupnya dengan sut keuntungan yang boleh diterima dan juga ia mempunyai masa depan "viability" dan perkembangan yang cerah.

Bagi mencapai matlamat penyerahan hakmilik, Kerajaan telahpun menentukan prinsip-prinsip atau garis-garis panduan penyerahan hakmilik. Satu Jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Tetap Mengenai Pemindahan Hakmilik Perusahaan Awam Kepada Bumiputra telah ditubuhkan untuk mengkaji "viability" projek-projek dan syarikat-syarikat Perbadanan Awam yang hendak dipindahkan miliknya. Perakuan-perakuan Jawatankuasa ini akan dikemukakan kepada Kerajaan untuk menentukan samada sesuatu projek ataupun syarikat Perbadanan Awam yang berkenaan telah tiba masanya untuk diserahkan hakmiliknya kepada Bumiputra.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa kebanyakan badan-badan berkanun samada yang diselenggarakan oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Pusat bolehlah dikatakan modalnya besar-besar belaka? Jadi untuk menyerahkan kepada bumiputra, saya rasa bukan satu perkara yang senang sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri memikirkan satu cara supaya badan-badan ini dapat diambil alih cara sedikit demi sedikit dengan tidak merugikan ataupun merosakkan pengurusan pentadbiran badan-badan itu?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya dari segi modal yang ada pada anak-anak syarikat ini Ahli Yang Berhormat telah menyatakan tadi bahawa semua modalnya adalah besar-besar belaka. Ini tidak benar, ada projek yang besar, ada projek yang sederhana dan ada juga projek yang kecil. Jadi, modalnya itu mengikut peringkat perniagaan yang hendak dijalankan oleh anak-anak syarikat itu.

Mengenai keraguan Ahli Yang Berhormat apabila nanti anak-anak syarikat ini diserahkan kepada Bumiputra dikuatirkan bahawa perjalanan syarikat itu akan menjadi lemah akan menjadi rugi, perkara ini sedang dikaji oleh Jawatankuasa Tetap. Tentang panduan-panduan sebagai yang disebutkan tadi dan segala keraguan yang ada pada Ahli Yang Berhormat itu, saya harap akan dapat dipertimbangkan oleh Jawatankuasa yang sedang mengkaji laporan penyerahannya.

BEKALAN DAGING BABI

4. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada beliau sedar tentang rungutan dari pengguna-pengguna di Kuala Lumpur, Kelang dan Petaling Jaya bahawa mereka tidak dibekalkan dengan daging-daging babi yang baru sejak adanya Pusat Penyembelihan di Shah Alam. Samada beliau bercadang mengarahkan MAJUTERNAK untuk mengkaji semula waktu penyembelihan supaya bangkai-bangkai tersebut tidak perlu disejukkan dan penjual-penjual dapat menjual daging yang baru di pasar.

Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar. Daging yang dijual oleh MAJUTERNAK adalah daging baru tetapi disejukkan. Saya tidak bercadang hendak mengarahkan MAJUTERNAK mengkaji semula waktu penyembelihan untuk membolehkan daging-daging itu yang tidak disejukkan dijual kerana ini bermakna bahawa penyembelihan terpaksa dibuat pada waktu malam. Jika penyembelihan dilakukan di waktu malam, sebarang kerosakan kepada jentera dan gangguan letrik agak menyusahkan dan sukar hendak diperbaiki dalam masa yang singkat dan ini mungkin mengakibatkan tidak ada pengeluaran dan menyusahkan pengguna-pengguna.

Tuan Oh Keng Seng: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa keadaan di Pusat Penyembelihan Shah Alam dari segi pentadbiran tidak memuaskan dan menyebabkan di pasar banyak daging haram telah dijual? Apakah tindakan yang akan diambil oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan untuk mengatasi masalah ini?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, soal haram yang dimaksudkan itu haram macam mana saya tak faham, tetapi sepanjang yang saya tahu MAJUTERNAK telah menyusun dan mengatur jadual penyembelihan ini dengan baik dan sempurna.

SIMEN—KEKURANGAN BEKALAN

5. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada pihak Kementeriannya akan mengenakan kawalan harga simen di peringkat borong dan runcit memandang kepada hal bahawa simen hanya boleh didapati dari penjual-penjual di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya dengan harga \$7 sekampit bertentangan dengan harga yang ditetapkan oleh Kerajaan sebanyak \$5 sekampit; juga menyatakan samada benar atau tidak Semenanjung Malaysia ketika ini sedang mengalami kekurangan 50,000 tan simen untuk kegunaan perusahaan pembinaan, manakala Sabah dan Sarawak mengalami kekurangan 200,000 tan. Jika ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementeriannya untuk mengatasi masalah kekurangan simen dalam negara.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mustapha bin Ali): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menetapkan harga simen di peringkat pintu kilang (ex-factory) sebanyak \$5 satu beg. Harga ini berbeza dengan harga yang dikenakan oleh peruncit-peruncit kerana harga yang ditetapkan oleh Kerajaan tidak termasuk kos pengangkutan dan credit risk yang ditanggung oleh pihak peruncit. Pada ketika ini pengeluaran simen tempatan tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan dalam negeri yang mengalami kekurangan sebanyak 100,000 tan di Semenanjung Malaysia, manakala keperluan di Sabah dan Sarawak sebanyak 200,000 tan adalah diimpot daripada luar negeri. Untuk mengatasi masalah ini Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Bertindak Simen untuk membekalkan simen kepada kontraktor-kontraktor yang mengendalikan projek-projek Kerajaan dengan harga yang dipersetujui oleh Kerajaan. Kementerian saya sekarang sedang membuat kajian tentang kemungkinan mewujudkan harga yang sama di seluruh negara di peringkat borong dan runcit. Perlu dinyatakan di sini bahawa masalah harga ini akan diatasi apabila kedudukan bekalan bertambah baik terutama bila projek-projek simen yang baru mula menghasilkan pengeluarannya.

Untuk menambahkan lagi pengeluaran simen di negara ini Kerajaan telah mengambil langkah-langkah tertentu iaitu antara lain dengan mengharamkan eksport simen untuk memastikan yang permintaan dalam negeri dapat dipenuhi. Kerajaan juga telah mengurangkan cukai impot simen dari kadar \$12 satu tan kepada \$2 satu tan untuk menggalakkan impot simen ke negara ini. Di samping itu, Kementerian saya telah juga memberikan kelulusan kepada dua buah syarikat pengeluar simen yang ada sekarang ini iaitu Associated Pan Malaysian Cement Berhad dan Tasek Cement untuk menambahkan daya pengeluarannya. Dan di samping itu pula kelulusan telah juga diberi untuk penubuhan kilang simen yang baru di Perak, Pahang dan Sarawak.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Setiausaha Parlimen berkenaan sedar bahawa baru-baru ada sebuah kilang simen di Perlis yang baru dibuka ada mengeluarkan simen? Oleh itu, kekurangan simen yang dikatakan 100,000 tan setahun boleh diatasi tidak berapa lama

lagi. Oleh sebab itu, bolehkah beliau menjelaskan mengapakah masih ada berlaku kekurangan simen pada masa sekarang dan mengapakah harganya begitu tinggi seumpama yang disebutkan dalam soal ini yang dijual \$7.00 oleh peruncit?

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan pertama, Ahli Yang Berhormat itu telah menyebutkan masalah kilang simen di Perlis, sebenarnya, kilang simen di Perlis telahpun mengeluarkan hasil tetapi belum sampai kepada full capacity, ertinya pengeluaran yang penuh. Jadi kita masih lagi mengalami kekurangan ini dan kilang-kilang yang baru diluluskan seperti yang saya sebutkan tadi masih belum mengeluarkan lagi pengeluaran simen ini. Dan soalan yang kedua mengenai perbezaan harga itu iaitu ex-factory \$5 dan yang dijual oleh peruncit dengan harga lebih daripada \$5.00 seperti yang saya katakan tadi ini melibatkan kos pengangkutan dan credit risk yang ditanggung oleh peruncit.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa kekurangan simen ini banyak juga dialami oleh pemborong-pemborong di Pantai Timur dan mereka bercadang hendak mengimpot simen daripada Siam, tetapi simen daripada Siam itu tidak diakui oleh Pihak Jabatan Kerja Raya? Bolehkah Ahli Yang Berhormat menerangkan samada kajian dibuat agar simen yang diimpot itu mutunya diakui atau tidak dan bagaimana kesimpulannya?

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soal itu barangkali telah banyak Ahli-ahli Yang Berhormat menimbulkan pada masa-masa yang lepas bahawa sesuatu yang dilakukan oleh Kerajaan haruslah bermutu. Dan sebab itulah maka setengah daripada simen yang dikeluarkan oleh Negeri Thai yang kita dapati digunakan untuk bangunan-bangunan Kerajaan yang kurang mutunya itu kita tidak benarkan, tetapi kalau untuk kegunaan private, itu ikut suka mereka.

Dr Tan Chee Khoon: Tadi Setiausaha Parlimen berkenaan telah menyatakan untuk mengatasi kekurangan simen yang ada di tanahair kita sekarang, maka cukup untuk simen yang diimpot telah diturunkan daripada

\$12 kepada \$2 satu tan. Bolehkah beliau atau Kementerian berkenaan bercadang untuk mengatasi kekurangan ini dengan lebih berkesan supaya Menteriannya membatalkan cukup \$2 itu supaya pemborong-pemborong boleh mengimpot simen lebih banyak untuk mengatasi kekurangan itu?

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sekarang ini belum lagi bercadang untuk menghapuskan sama sekali cukup simen itu, tetapi apabila langkah-langkah yang telah saya sebutkan tadi berjalan dengan baik, maka masalah ini akan dapat diselesaikan.

RAPAT UMUM DIHARAMKAN

6. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapa rapat-rapat umum telah diharamkan untuk parti-parti Pembangkang.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sudah dijawab dalam sidang Dewan ini pada 5hb November, 1975.

BIRO BANTUAN GUAMAN DI PERAK

7. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan samada Kementerian beliau dapat menubuhkan sebuah Biro Bantuan Undang-undang (Legal Aid Bureau) di Negeri Perak supaya orang awam dapat menyelesaikan kes-kes kemalangan dan lain-lain dengan bayaran sederhana berbanding dengan bayaran tinggi untuk kes-kes sebegini yang dikenakan oleh peguam-peguam.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Undang-undang dan Peguam Negara memang telah sekian lama berhasrat dan telahpun memasukkan ke dalam rancangannya untuk menubuhkan cawangan Biro Bantuan Guaman di Negeri Perak, mula-mula dalam tahun 1975 dan selewat-lewatnya dalam pertengahan tahun 1976.

Adalah diharapkan dengan tegasnya bahawa kekurangan pegawai-pegawai undang-undang untuk memenuhi jawatan-jawatan penting dalam Kementerian saya dapat diatasi menjelang pertengahan tahun 1976 apakala fakulti undang-undang Universiti Malaya mengeluarkan graduatenya.

Dengan adanya Cawangan Biro Bantuan Guaman itu sebilangan besar masalaah-masalaah perguaman dalam kes sivil termasuklah kes-kes kemalangan yang dihadapi oleh golongan yang tidak berkemampuan dapat diberi bantuan di bawah Sekim Perkhidmatan Guaman Kerajaan kelak.

UNDANG-UNDANG TANAH

8. Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas menyatakan samada beliau sedar bahawa sistem pentadbiran tanah yang diamalkan di Pejabat Tanah di seluruh negara sekarang ini adalah sistem yang diwarisi daripada zaman penjajah dan sudah sepatutnya diubah mengikut kehendak perkembangan zaman dan kemajuan negara. Jika sedar, apakah langkah-langkah dharurat yang akan diambil.

Timbalan Menteri Tanah dan Galian (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, adalah benar sistem pentadbiran tanah yang diamalkan sekarang di seluruh negara diwarisi dari penjajah. Sistem itu berasaskan kepada Undang-undang Tanah. Tujuan utama Undang-undang Tanah ialah supaya Surat-surat Hakmilik yang dikeluarkan adalah hakmilik yang tidak boleh disangkal. Sungguhpun begitu Kerajaan telah sedar bahawa di zaman Kemerdekaan dan pembangunan ini Sistem Pentadbiran Tanah hendaklah juga berasaskan kepada suatu Pentadbirkan Tanah yang mempunyai dan melaksanakan objektif-objektif dasar selaras dengan Rancangan-rancangan Pembangunan Negara. Sistem baru yang sedang diwujudkan ialah:

- (1) Sistem Pentadbiran Tanah yang berintegrasi di peringkat Negeri dan Persekutuan;
- (2) Sistem yang dapat melulus dan mengeluarkan tanah di dalam jangkamasa yang diperlukan oleh rancangan pembangunan negara;
- (3) Sistem yang dapat menentukan kegunaan tanah yang betul; dan
- (4) Sistem yang dapat mengawal tanah daripada milik secara haram atau daripada kerosakan ekoloji.

Majlis Tanah Negara dan Kerajaan telahpun membentuk suatu Pasukan Petugas supaya berkerjasama, menasihati dan membantu Kerajaan-kerajaan Negeri dalam usaha-usaha penyusunan semula sistem pentadbiran tanah.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa di dalam Sistem Pentadbiran Pejabat-pejabat Tanah yang ada sekarang ini di seluruh Malaysia terdapat Unit Assembly System yang dijalankan itu tidak terlaksana dengan baik. Ini merupakan suatu masalaah yang dihadapi oleh seluruh Pentadbir Tanah di seluruh Malaysia kerana tidak ada specialisation yang berlaku antara Pentadbiran Tanah sebenar dengan Pentadbiran Daerah. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar dan kalau sedar, apakah pula tindakan yang akan diambil buat sementara waktu?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa Unit Assembly System yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak berjalan dengan baik. Oleh itu pihak Kementerian telah mengadakan satu Pasukan Petugas untuk memperbaiki keadaan seperti itu, umpamanya di Wilayah Persekutuan telah diwujudkan satu jentera pentadbiran mengikut kegiatan-kegiatan yang tertentu yang terdapat di dalam Wilayah Persekutuan seperti Yunit Pemberian Tanah, Pembangunan Bandar dan Pengawalan Pemerintahan Tanah dan Setinggan.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada masa sekarang ini pentadbiran tanah pada peringkat yang paling rendah ialah dijalankan pada peringkat daerah iaitu diketuai oleh Pemungut Hasil Tanah di daerah-daerah. Adakah pihak Kerajaan bercadang akan mengkaji kemungkinan memecahkan lagi pentadbiran tanah pada peringkat daerah itu kepada peringkat mukim supaya Pejabat-pejabat Tanah diadakan bagi tiap-tiap mukim?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, apa yang diperlukan oleh kita sekarang ialah satu Sistem Pentadbiran Tanah yang pada keseluruhannya mengandungi perubahan dan pembaharuan organisasinya. Perkaranya ini sedang diselidiki dan akan diselenggarakan oleh pihak Kementerian Tanah dan Galian.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa ada Yunit Petugas tentang penyelarasan hal ehwal pentadbiran tanah di Wilayah Persekutuan. Adakah Yunit Petugas ini diwujudkan di semua negeri-negeri di Malaysia sekarang ini dan kalau tidak, apakah masaalah yang dihadapi di dalam menubuhkan yunit tersebut?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, Yunit Petugas ini telah ditubuhkan oleh Kementerian Tanah dan Galian dengan mempunyai 5 orang ahli yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Tanah dan Galian. Salah satu rekamandasi daripada Yunit Petugas ini ialah supaya yunit petugas seperti ini juga ditubuhkan di semua Negeri.

AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI

9. Datuk Peter Lo Su Yin (*di bawah S.O. 24* (2)) minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan:

- (a) mengapakah kuatkuasa Seksyen 57 hingga Seksyen 63 Akta Keselamatan Dalam Negeri tidak dijalankan sehingga mengakibatkan tembak-menembak dan pengeboman menjadi-jadi baru-baru ini;
- (b) semenjak diumumkan kuatkuasa Seksyen 57 hingga Seksyen 63 Akta Keselamatan Dalam Negeri ini, berapa tangkapan telah dilakukan dan didakwa di bawah seksyen tersebut; dan
- (c) berapa lama satu-satu perbicaraan itu diselesaikan dan mendapat keputusan-nya.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Selepas konfrantasi, selain daripada kejadian-kejadian baru-baru ini dalam mana bahan-bahan letupan dan bom telah digunakan, dan ada 4-5 kes yang mana mata-mata gelap kita telah ditembak, tidak ada sebab-sebab untuk menggunakan kuasa-kuasa itu kerana jenis-jenis kes yang telah berbangkit itu ialah kebanyakannya kes-kes samun, rompak dan lain-lain yang

dapat diselesaikan dengan sempurna oleh undang-undang yang lain seperti Kanun Kesesakan, Akta Senjata 1960 dan Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat), 1971.

- (b) Ada terdapat kes-kes dibawa ke mahkamah semasa konfrantasi dahulu. Tetapi selepas konfrantasi tidak ada pendakwaan berhabit dengan kesalahan di bawah Seksyen tersebut selain daripada satu kes di Trengganu yang mana dua orang telah dituduh di bawah Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri dan belum diselesaikan lagi dan sedang dibicarakan.
- (c) Ini bergantunglah kepada bilangan saksi di dalam sesuatu kes yang tertentu dan panjangnya keterangan-keterangan yang mereka beri di dalam mahkamah. Terdapat juga faktor-faktor lain yang melewatkan sesuatu perbicaraan itu, misalnya pertanguhan-pertanguhan selanjutnya oleh kerana pelbagai sebab.

LAGU-LAGU MELAYU

10. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan apakah usaha-usaha untuk memelihara lagu-lagu Melayu supaya benar-benar berirama tempatan dan bukan sebagai tiruan dari lagu-lagu Barat dan apakah garis panduan yang diberi kepada penggubah-penggubah lagu tempatan agar maksud ini tercapai.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Rais bin Yatim): Tuan Yang di-Pertua, perkara sesuatu kebudayaan itu mempengaruhi atau dipengaruhi oleh kebudayaan lain adalah perkara biasa bagi semua kebudayaan di dunia ini. Ini termasuklah juga seni muzik dan seni lagu. Dalam hal ini seni muzik dan seni lagu Melayu dipengaruhi oleh unsur-unsur seni muzik dan seni lagu asing adalah perkara biasa.

Dalam konteks ini tentulah kita semua harus menjaga supaya jangan kemelayuan muzik dan lagu-lagu Melayu itu sampai ditenggelami atau dihapuskan oleh unsur-unsur seni muzik dan lagu asing. Sebaliknya memasukkan unsur-unsur asing itu hendaklah dengan cara dan tujuan untuk menambah kekayaan dan meninggikan lagi mutu seni

muzik dan lagu Melayu itu. Inilah yang diusahakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada masa yang telah lalu, sekarang dan pada masa hadapan.

Tugas, tanggungjawab dan kuasa berhubung dengan perkara ini bukanlah terletak 100% pada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sahaja tetapi terletak juga pada badan-badan sebaran am seperti Radio dan Talivisyen, Syarikat-syarikat piring hitam, penggubah-penggubah lagu dan juga orang ramai yang meminati seni muzik dan lagu-lagu Melayu. Dari segi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan maka usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian ini untuk memelihara irama lagu-lagu di negara ini supaya tidak tertiru-tertiru lagu-lagu dari luar khususnya dari Barat adalah seperti berikut:

- (a) Kementerian ini telah mengeluarkan 6 jenis Piring Hitam mengandungi lagu-lagu yang berirama asli dan disebarkan kepada orang ramai. Sehingga ini sebanyak lebih dari 10,000 piring hitam tersebut telah diterbitkan.
- (b) Kementerian telah menggalakkan supaya segala persembahan tarian samada yang dipentaskan untuk orang ramai mahupun untuk pertandingan mementingkan Muzik Irian yang beriramakan lagu tempatan agar persembahan tersebut benar-benar berkembang dari jiwa asli rakyat di rantau ini.
- (c) Kementerian telah menjalankan kursus juga bengkel Muzik bagi Pencipta dan Penggubah lagu tanahair di peringkat negeri dan kebangsaan di mana dalam kursus dan bengkel tersebut diberi panduan dan keinsafan kepada pencipta dan penggubah lagu untuk menghasilkan karya-karya yang bermutu dan berkeperibadian Kebudayaan Rakyat asal di rantau ini.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimanakah Yang Berhormat mentafsirkan istilah lagu-lagu Melayu itu, adakah dengan berdasarkan seni katanya di dalam bahasa Melayu, iramanya ataupun lagunya?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Perkara yang ditanya dalam soalan ini telah dijawab—"berirama".

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam usaha mengeluarkan piring-piring hitam adakah pihak Kementerian mengambil kira seorang penggubah lagu yang terkenal seperti P. Ramlee dengan lagu-lagu Melayu aslinya, dandang sayangnya, langgamnya dan keroncongnya. Apakah Kementerian memberati supaya usaha-usaha memelihara lagu-lagu Melayu asli ini berdasarkan lagu yang digubahkan oleh P. Ramlee?

Tuan Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat yang berkenaan agaknya mementingkan supaya gubahan seseorang pencipta itu tidak disalahgunakan. Sebenarnya, hal berhubung dengan perkara ini adalah tertakluk di bawah Undang-undang Hak Cipta, 1969. Oleh itu Kementerian ini adalah tertakluk di bawah sebarang tindakan yang diambil di bawah Undang-undang tersebut.

MAJUIKAN

11. Datuk Haji Shafie bin Haji Abdullah minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan sejauh manakah kegiatan dan matlamat MAJUIKAN yang telah dijalankan selama ini. Adakah pemeliharaan dan pembiakan ikan air tawar salah satu daripada aktiviti MAJUIKAN kerana ini adalah satu-satunya sumber yang mudah bagi petani-petani miskin menambahkan mata pencarian.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan sahabat saya Yang Berhormat ini, bagi Rancangan Malaysia Kedua matlamat MAJUIKAN ialah seperti berikut:

- (a) membina 135 yunit bot pukut tunda;
- (b) membina 5 yunit bot pukut jerut;
- (c) membina 40 yunit bot serbaguna;
- (d) mendirikan sebuah kilang memproses udang/ikan di Kuala Kedah;
- (e) mendirikan 2 buah kilang air batu di Kuala Perlis dan Kuantan, Pahang;
- (f) menjalankan satu projek memelihara udang/ikan air tawar secara commercial;
- (g) menubuhkan 39 yunit Persatuan Nelayan di Semenanjung Malaysia dan Sarawak;

- (h) menjalankan kegiatan-kegiatan pemasaran termasuk menjalankan Sekim Kawalan Pemasaran dan perniagaan ikan melalui Syarikat Pemasaran Ikan Malaysia (SPIM).

Setakat ini pencapaian matlamat itu adalah seperti berikut:

- (a) 67 yunit bot pukut tunda telah siap dibina dan dilancarkan sementara 68 yunit lagi masih dalam pembinaan dan dijangka akan siap pada akhir tahun 1975;
- (b) Kelima-lima buah bot pukut jerut itu telah siap dibina dan dilancarkan;
- (c) 20 yunit bot serbaguna telah siap dibina dan dilancarkan sementara 20 yunit lagi masih dalam pembinaan dan dijangka siap pada akhir tahun ini;
- (d) Kilang memproses udang/ikan di Kuala Kedah telah siap dibina dan telahpun memulakan pengeluarannya mulai bulan Julai, 1975;
- (e) Kilang air batu di Kuala Perlis telah siap dibina dan kilang tersebut telahpun memulakan pengeluarannya mulai bulan Januari, 1975. Pembinaan kilang air batu di Kuantan akan dimulakan sedikit masa lagi dan dijangka siap pada awal tahun 1976;
- (f) Kerja mengusahakan satu projek pemeliharaan udang/ikan air tawar di kawasan seluas 90 ekar di Puchong, Selangor sedang dijalankan. Pembinaan 50 buah kolam tiap-tiap satu luasnya 1 ekar di projek itu dijangka siap pada awal tahun 1976;
- (g) Setakat ini 22 buah Persatuan Nelayan kawasan telah ditubuhkan di Semenanjung Malaysia dan 4 buah di Sarawak dengan jumlah ahli seramai 10,508 orang;
- (h) (i) Setakat ini Lembaga sedang melaksanakan Sekim Kawalan Pemasaran Ikan iaitu di tempat-tempat seperti:

- (a) Kuala Lumpur;
- (b) Ipoh;
- (c) Kuala Trengganu; dan
- (d) Johor Baharu.

- (ii) Syarikat Pemasaran Ikan Malaysia pula sedang menjalankan perniagaan borong ikan di bandar-bandar seperti berikut:

- (a) Kuala Lumpur;
- (b) Ipoh;
- (c) Pulau Pinang; dan
- (d) Johor Baharu.

MAJUIKAN ada mempunyai rancangan untuk memelihara ikan air tawar tetapi sebagai projek MAJUIKAN sendiri. Sebagaimana yang disebutkan tadi pada masa ini MAJUIKAN sedang mengusahakan satu projek di Puchong, Selangor. Tugas pembiakan ikan air tawar dan menggalakkan petani-petani memelihara ikan air tawar adalah ditugaskan Bahagian Perikanan di Kementerian. Semenjak tahun 1953, Bahagian Perikanan telah melatih sebanyak 2,877 petani dan telah membahagikan sebanyak 23,137,151 anak-anak ikan kepada petani-petani di seluruh negara.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Baling, tidak payah angkat tangan. (*Ketawa*).

Datuk Haji Shafie bin Abdullah: Saya tidak angkat tangan. Tuan Yang di-Pertua, keadaan sekarang ini negara Malaysia masih lagi membawa masuk ataupun mengimpor ikan-ikan ke dalam negeri bagi pembekalan makanan rakyat dan di dalam matlamat MAJUIKAN pada tahun berapakah agaknya Malaysia bukan sahaja dapat mengeluarkan ikan yang secukupnya bahkan bahan-bahan ikan samada laut atau darat menjadi sumber pengeksport ataupun di bawah keluar dan bagaimanakah sambutan nelayan-nelayan terhadap kegiatan MAJU-IKAN selama Badan ini ditubuhkan dan apakah rintangan-rintangan yang dihadapi oleh MAJUIKAN di dalam tujuan meneruskan rancangan-rancangan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini bukannya soalan tambahan. Yang Berhormat hendaklah mengemukakan satu soalan khas. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, walaupun ini merupakan soalan lain, tetapi oleh kerana Ahli Yang Berhormat itu sahabat saya, saya cuba menerangkan sedikit. Walaupun

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini tidak kira sahabat, tetapi mesti ikut Standing Order samada boleh atau tidak boleh dijawab. (*Ketawa*).

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, walaupun negara kita masih lagi mengimpot tetapi kalau hendak dikira jumlah eksport adalah lebih banyak yang telah kita buat pada hari ini sebab mengikut perangkaan bagi tahun 1973, negara kita telah mengeksport ikan sebanyak 125,354 tan yang berjumlah \$176.1 juta. Sedangkan impot cuma 72,692 tan berharga \$55.49 juta. Ini bermakna negara kita sudah melebihi daripada keperluan ikan pada hari ini dan kita telah mengeksport keluar negeri.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan dengan panjang lebar berkenaan dengan kegiatan dan matlamat MAJUIKAN. Dengan adanya satu daripada alat utama yang digunakan oleh nelayan-nelayan ialah jaring ikan, adakah MAJUIKAN mempunyai matlamat untuk bercadang kepada perusahaan membuat jaring ikan pada masa-masa yang akan datang.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Perkara ini saya akan bawakan kepada MAJUIKAN pada hari ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baguslah.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian bercadang hendak menukarkan nama MAJUIKAN kepada MAJUNELAYAN kerana setakat ini nampaknya ikan sahaja yang maju, nelayan masih ketinggalan? (*Ketawa*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu soalan lain, tidak payah dijawab.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi nampaknya antara aktiviti MAJUIKAN ialah Lembaga Pemasaran Ikan Malaysia, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan tentang peranan Lembaga

Pemasaran Ikan ini berkait dengan jualan borong khususnya di Kuala Lumpur sebab saya rasa sekiranya Lembaga ini benar-benar tidak dapat menjayakan hal ini, itu sudah tentu merupakan satu kelemahan pihak Lembaga.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Saya telah sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja di Kuala Lumpur, tetapi di Ipoh, Pulau Pinang dan Johor Bharu.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah pihak Kementerian bercadang untuk membiakkan ikan-ikan di laut dengan mengadakan sekatan kepada nelayan-nelayan yang menangkap ikan-ikan kecil sebagaimana yang telah dibuat oleh setengah-setengah negeri di barat sana, ikan yang kecil itu apabila ditangkap dilepaskan balik. Kalau diambil nelayan itu akan dihukum denda. Dengan cara ini dapat negara kita membanyakkan hasil-hasil ikan. Apa yang kita dapat tahu pada hari ini di Pasar-pasar umpamanya ikan Cencaru dan ikan Kembung itu boleh besar tetapi sebesar dua jari sahaja sudah ada di pasar.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak sempat hendak besar lagi ikan ini. (*Ketawa*).

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya adakah Kementerian itu bercadang untuk mengadakan satu undang-undang sekatan supaya ikan yang kecil bila ditangkap hendaklah dilepaskan?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pihak Jabatan Perikanan telah mengaturkan iaitu sebelum mengeluarkan sebarang Lesen Pukat-pukat untuk menangkap ikan terlebih dahulu Kementerian mengkaji sumber-sumber ikan yang difikirkan banyak di situ baharu kita keluarkan lesen pada tiap-tiap tahun dan jika kita dapati sumber-sumber ikan di tempat itu tidak begitu banyak maka lesen terpaksa dihadkan. Jadi, itulah sebabnya pada hari ini banyak nelayan-nelayan yang membuat "complaint" kerana pengeluaran lesen kepada pukat-pukat ini kita hadkan.

Soal hendak mengadakan Undang-undang supaya ikan kecil mesti dilepaskan, ikan besar sahaja ditangkap, agak susah sedidikt

untuk dilaksanakan. Kerana saya fikir nelayan-nelayan apabila ikan sudah masuk dalam pukot, dia fikir itu hak dia dan kalau kita suruh dia lepaskan, ikan itu pun akan mati. Walaupun kita boleh menangkap orang-orang semacam ini, mislanya ada undang-undang sekalipun hanya di market sahaja, apabila sudah di market, maka ikan-ikan itu akan mati dan apabila dilepaskan balik, ikan itu mati juga. Jadi oleh kerana itu, saya fikir tidak mungkin barangkali Peguam Negara dapat mengaturkan satu undang-undang dalam soal yang serupa ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jangnalah beratkan lagi tugas Yang Berhormat Peguam Negara.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendengar penerangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tadi bahawa eksport ikan terlampau banyak iaitu melebihi daripada yang diimpot. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar banyak tempat-tempat terutamanya seperti di Pantai Negeri Johor, ikan-ikan susah didapati di pasar-pasar dan kalau dapat pun hanya ikan kelas dua sahaja, dan yang baik-baik mungkin sudah diekspot. Jadi, adakah MAJUIKAN bercadang sebelum ikan itu diekspotkan keluar negeri eloklah dicukupkan dahulu ikan tersebut untuk orang-orang tempatan?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Ini, Tuan Yang di-Pertua, patut kita mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi MAJUIKAN yang duduk di sebelah Ahli Yang Berhormat itu. Tindakan telahpun dibuat di Johor Bahru dengan memotong 10% daripada hasil penangkapan ikan itu dijual di Johor Bahru terlebih dahulu, lepas itu baharulah dihantar keluar negeri.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menjawab soalan tambahan berkenaan dengan kemajuan Lembaga Pemasaran Ikan ini tadi, saya hendak menyoal satu soalan tambahan lagi, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa keadaan sekarang banyak berlaku tidak persefahaman antara persatuan nelayan dengan syarikat nelayan yang selalunya bercanggah antara dua badan ini.

Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan, apakah langkah untuk menyelaraskan dua badan ini di peringkat yang lebih berkesan lagi?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini benar, sebab dahulunya badan ini adalah berasingan tetapi pada hari ini syarikat kerjasama nelayan dan juga persatuan nelayan telah dimasukkan di bawah satu badan yang dinamakan MAJUIKAN. Oleh kerana itu, semua percanggahan ataupun perlapisan ataupun sebarang salah faham telah dapat diatasi dengan baik dan sempurna. Dalam pada itu, bukanlah 100% boleh semuanya sefahaman sepanjang masa sedangkan kita suami isteri pun kadang-kadang ada juga salah faham.

RUMAH PANGSA HARGA MURAH

12. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan samada beliau sedar bahawa Dewan Bandaraya tidak membina rumah-rumah pangsa yang berharga murah dengan cukupnya dan jika ya, nyatakan samada:

- (a) beliau akan mengarah Dewan Bandaraya menubuhkan sebuah Yunit Perumahan Khas untuk menyegerakan pembinaan rumah-rumah untuk golongan pendapatan rendah; dan
- (b) peruntukan-peruntukan telah dibuat untuk membolehkan Dewan Bandaraya membina rumah-rumah harga murah dengan menggunakan kayu-kayan.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya sedar, Dewan Bandaraya telahpun menubuhkan satu yunit Perumahan-nya. Tindakan selanjutnya ialah untuk melengkapkan Yunit tersebut dengan kakitangan dan segala kemudahan-kemudahan yang diperlukan.
- (b) Peruntukan-peruntukan baru tidak perlu diadakan bagi membolehkan Dewan Bandaraya (atau sesiapa pun) membina rumah-rumah harga murah dengan menggunakan kayu-kayan oleh sebab undang-undang yang sudah ada dan "uniform building by-law" yang akan dikuatkuasakan kelak akan membenarkan penggunaan kayu-kayan dalam pembinaan rumah.

Dewan Bandaraya sudahpun ada rancangan/projek perumahan yang menggunakan kayu (di Kampung Pandan dan Cheras). Sekarang ini pihak kami sedang mengkaji kemungkinan membina rumah-rumah kayu di tempat-tempat yang sesuai. Walau bagaimanapun disebabkan timbulnya masalah tanah, maka keutamaan adalah diberi kepada pembinaan rumah yang bertingkat-tingkat supaya dapat menempatkan lebih ramai penduduk.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, dalam pembinaan projek perumahan di Wilayah Persekutuan ini, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, adakah pihak swasta memberi bantuan kepada pihak Dewan Bandaraya untuk membina rumah pangsa, dan jika ada, apa bantuannya itu?

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini dalam proses pengkajian pada masa sekarang.

RUMAH YANG DIRANCANGKAN DI NEGERI-NEGERI

13. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan jumlah rumah dan jenisnya yang telah dirancang di tiap-tiap Negeri dan cara-cara pemberian rumah tersebut.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya, soalan Ahli Yang Berhormat itu agak umum sedikit. Walau bagaimanapun, saya akan cuba menjawabnya. Jumlah rumah dan jenisnya yang telah dirancang oleh tiap-tiap Negeri di bawah Rancangan Malaysia Kedua adalah seperti berikut:

Negeri	Rumah Teres	Rumah Jenis Kayu	Rumah Pangsa
Perlis ...	328	—	—
Kedah ...	300	101	1,080
Perak ...	806	307	640
Melaka ...	280	—	222
Pulau Pinang ...	—	300	1,108
Kelantan ...	—	—	168
Johor ...	596	2,678	2,000
Trengganu ...	82	—	318

Negeri	Rumah Teres	Rumah Jenis Kayu	Rumah Pangsa
Pahang ...	584	3,711	64
Selangor ...	1,086	134	535
Negeri Sembilan ...	1,000	—	—
Bandaraya Kuala Lumpur ...	—	—	1,024
	5,062	7,231	7,159

Jumlah Besar=19,452 yunit.

Mengenai cara-cara pemberian rumah, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa di tiap-tiap Negeri ada ditubuhkan Jawatankuasa Pemberian Rumah dan Kementerian ini juga diwakili dalam Jawatankuasa tersebut. Di samping itu saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian ini telah meletakkan ataupun mengadakan beberapa garis panduan mengenai cara-cara pemberian rumah untuk diikuti oleh Jawatankuasa Pemberian Rumah. Garis panduan tersebut adalah meliputi perkara-perkara berikut:

- Jawatankuasa Pemberian Rumah hendaklah terlebih dahulu mengasingkan pemohon-pemohon yang berhak memohon daripada pemohon-pemohon yang tidak berhak memohon. Ini bermakna bahawa semua pemohon-pemohon yang mempunyai pendapatan keluarga sebanyak \$300 sebulan dan ke bawah adalah dianggap sebagai pemohon-pemohon yang berhak memohon.
- Senarai-senarai berasingan kemudiannya hendaklah diadakan bagi tiap-tiap kaum seperti Melayu, China, India dan lain-lain.
- Menetapkan quota menurut kaum berasaskan bilangan rumah-rumah dalam sekim yang berkenaan dan bilangan permohonan-permohonan yang diterima daripada kaum yang berkenaan.
- Jawatankuasa Pemberian Rumah akan menapis pemohon-pemohon yang layak (menurut tiap-tiap kaum) dan memutuskan supaya ditolak permohonan-permohonan daripada pemohon-pemohon yang mempunyai harta seperti rumah atau tanah, mereka yang masih bujang atau mereka yang mempunyai keluarga yang kecil dan juga mereka yang bukan mendiami kawasan di mana sekim perumahan itu diadakan.

- (e) Pemohon-pemohon dalam senarai yang telah ditapis atau "short-list" itu kemudiannya dikehendaki mengundi mengikut quota yang ditetapkan bagi kaum masing-masing.

Dalam menjalankan tugas pemberian rumah, Jawatankuasa tersebut juga mengadakan cara-cara sendiri, prinsip-prinsip mengikut Dasar Ekonomi Baru adalah diutamakan apabila pemberian itu dijalankan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru mempunyai garis-garis panduan untuk menentukan pemberian rumah Kerajaan? Dan adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa cara pemberian rumah murah Kerajaan ada menimbulkan banyak tandatanya di kalangan orang ramai samada rumah murah untuk menolong orang-orang yang benar-benar miskin dan tidak ada rumah atau untuk menolong orang-orang yang kaya dan orang yang rapat dengan orang yang berkuasa. Oleh kerana pemberian rumah murah selalunya dibagi kepada orang-orang yang pendapatannya sangat tinggi iaitu empat angka dan lebih daripada \$1,000 sebulan, kenapakah perkara-perkara ini timbul sungguhpun ada garis panduan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen?

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan itu sepatutnya perkara seperti ini tidak timbul, sebab jawapan dan asas-asas garis panduan sebagaimana yang dijelaskan telahpun saya jelaskan. Tetapi, bagaimanapun, saya tidak pula hendak menafikan kemungkinan adanya berlaku perkara seperti apa yang dibangkitkan itu. Tetapi tidaklah sampai kepada pengetahuan Kementerian ini, sekiranya ada kes-kes yang tepat yang boleh ditunjukkan oleh Ahli Yang Berhormat itu pada pihak Kementerian ini, maka Kementerian ini bolehlah mempertimbangkan tindakan yang sepatutnya.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan telah memberi angka-angka di tiap-tiap buah Negeri tentang jenis rumah-rumah yang telah dirancang.

Tuan Yang di-Pertua, dirancang adalah satu perkara yang lain dan yang saya suka

bertanya sekarang ialah berapakah daripadanya yang dirancang ini telah dilaksanakan? Dan jika ada peratus yang dilaksanakan itu belum lagi dilaksanakan, apakah sebab-sebab maka tidak dilaksanakan?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini soalan lain daripada soalan Yang Berhormat yang asas. Soalan yang asal yang telah dirancang telahpun dijawab.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan menyatakan bahawa panduan-panduan untuk memberi rumah-rumah itu telah nyata dan saya terima segala guidelines yang disampainya tadi. Tetapi saya hendak menyatakan pula apakah ukuran bagi Kementerian yang berkenaan untuk memberi dan memperuntukkan rumah-rumah itu kepada tiap-tiap Negeri, misalnya:

Selangor	...	...	200 yunit
Kedah	...	...	500 yunit
Johor	...	...	800 yunit

Apakah ukuran yang dibuat?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sudah juga dijawab oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen iaitu mengikut permohonannya dan quota yang disebutkan.

Tuan Leo Moggie anak Iroke: Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada berkata tentang banyak jumlah rumah murah di tempat-tempat itu, tetapi bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan menyatakan berapa jumlah di negeri Sarawak dan di Sabah, kerana saya tidak mendengar Yang Berhormat menyatakan tadi?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, saya minta soalan ini diberitahu secara bertulis.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya sangat suka hati bahawa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak menafikan adanya berlaku pemberian rumah murah kepada orang-orang yang berpendapatan tinggi, tetapi saya hairan, beliau tidak tahu mengenai perkara-perkara

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apa soalan tambahannya?

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan saya ialah adakah Setiausaha Parlimen sedar bahawa baru-baru ini di Pulau Sebang dan di Alor Gajah, Melaka ada ramai orang-orang yang diberi rumah-rumah yang pendapatannya sangat tinggi iaitu \$1,200; \$1,800 sebulan mengikut kategori

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Inipun tak payah dijawab. Tadi telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen iaitu kalau ada perkara yang semacam ini beritahu secara bertulis, dia akan mengambil tindakan.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan ini apakah tindakan akan diberi selepas maklumat itu dikemukakan kepada dia?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Perkara itu biarlah sampai surat itu diterima dahulu; lain surat, lain jawabannya. Jadi, tidak payah dijawab soalan yang semacam ini.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam angka-angka yang diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, adakah termasuk rancangan hendak memberi rumah murah kepada petani-petani luar bandar dengan cara pembinaan bertaburan di atas tanah-tanah kepunyaan petani-petani itu sendiri?

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, yang saya jelaskan tadi adalah pembinaan rumah-rumah murah atau rumah-rumah kos rendah yang peruntukannya diberi kepada Kerajaan Negeri menerusi permohonan daripada Kerajaan Negeri. Kemungkinan dari pihak agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti MARA, FELDA dan seumpamanya ada juga membina bangunan rumah-rumah murah kepada pihak rakyat di luar bandar.

JALANRAYA BANDAR PENGGRAM KE PONTIAN

14. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada beliau sedar bahawa jalanraya dari Bandar Penggaram, Batu Pahat ke Pontian telah terlalu buruk dan menjadi sungutan penduduk-penduduk tempatan. Jika sedar, bilakah rancangan untuk membina semula jalan tersebut.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kerajaan belum ada rancangan hendak membina semula jalanraya dari Bandar Penggaram, Batu Pahat ke Pontian oleh kerana jalanraya tersebut masih lagi di dalam keadaan yang memuaskan.

Pada masa sekarang kegiatan lalulintas di atas jalanraya tersebut tidaklah memadai untuk ianya dibina semula seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, jalanraya ini adalah sentiasa di bawah penyelenggaraan yang rapi dari semasa ke semasa bagi menjamin ke-selesaian dan keselamatan pengguna-pengguna jalanraya tersebut.

POLIS LALULINTAS BANDAR BUKIT MERTAJAM

15. Tuan Tan Cheng Bee bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri oleh sebab lalulintas jalan dalam bandar Bukit Mertajam sedang bertambah dengan banyaknya, dan jalan-jalan dalam Bandar adalah sempit sedikit, dapatkah Menteri memberi arahan kepada pihak berkuasa yang berkenaan bagi meletakkan Polis Lalulintas bertugas dalam kawasan bandar, sebab tidak ada langsung Lalulintas dalam Bukit Mertajam.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada Cawangan Traffic khas Daerah Polis Bukit Mertajam. Walau pun demikian, tugas-tugas traffic sekarang diselenggarakan oleh seorang kopral dan 4 orang mata-mata daripada tugas am. Selain daripada itu, mata-mata am yang menjalankan tugas beat dalam bandar Bukit Mertajam adalah juga ditugaskan mengawal lalulintas di samping tugas-tugas yang lain. Dalam kajian untuk menambah keanggotaan bagi daerah polis Bukit Mertajam, Cawangan Penyelidik dan Perancang Am mengadakan tambahan 2 orang sarjan sebagai Penolong Pegawai Penyiasat kes-kes traffic. Pada masa sekarang seorang kopral dan 4 orang mata-mata ditugaskan untuk mengawal lalulintas di Bukit Mertajam difikirkan adalah memadai.

PENTADBIRAN PELAJARAN UGAMA ISLAM

16. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah pihak Kementerian akan mengambil alih

urusan pelajaran Ugama Islam di sekolah-sekolah rendah Kerajaan di seluruh Malaysia dengan memberi tarikhnya yang sebenar pengambil-an ahli ini akan dilaksanakan sepenuhnya.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju dengan cadangan Kementerian Pelajaran mengambil-alih urusan Pentadbiran Pelajaran Ugama Islam di Sekolah-sekolah Rendah Bantuan Kerajaan berkuatkuasa mulai 1hb Julai, 1974.

Rancangan telah diatur untuk melaksanakan cadangan ini dengan sepenuhnya mulai awal tahun 1976 tetapi tergendala kerana urusan pertukaran Perkhidmatan Guru-guru Ugama Sekolah Rendah Bantuan Kerajaan yang terlibat dengan cadangan ini daripada perkhidmatan Kerajaan Negeri masing-masing kepada Kerajaan Persekutuan telah ditangguhkan atas permintaan Persatuan Guru-guru itu sendiri.

INSURAN KEPUNYAAN BUMIPUTRA

17. Tuan Haji Hadadak bin Haji D. Pasauk minta Menteri Kewangan menyatakan samada terdapat sebarang lesen insuran yang telah dikeluarkan kepada syarikat insuran kepunyaan di Sarawak. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, saya telah menjawab soalan serupa itu yang

telah dibangkitkan dalam Mesyuarat Dewan ini pada 17hb Julai, 1975. Saya telah menerangkan pada masa itu bahawa lesen-lesen untuk syarikat-syarikat insuran yang berdaftar bagi menjalankan perniagaan insuran adalah dikeluarkan berdasarkan kepada beberapa syarat syarikat-syarikat ini hendaklah menjalankan perniagaan mereka secara besar-besaran di seluruh Malaysia dan tidak semestinya menghadkan kegiatan-kegiatan mereka kepada sesebuah negeri atau beberapa buah negeri yang tertentu sahaja. Di mana terletaknya tempat ibu pejabat bagi syarikat yang demikian itu tidaklah begitu penting dari segi ini.

Ada didapati anggota-anggota golongan bumiputra dari Sabah dan Sarawak yang memiliki syer dalam setengah-setengah syarikat insuran yang ditubuhkan dalam negeri sebagaimana terdapat juga pemegang-pemegang saham bumiputra dari Semenanjung Malaysia di dalam syarikat-syarikat ini. Dengan sebab itu, semua permohonan untuk mendapatkan lesen bagi menjalankan perniagaan insuran akan dipertimbangkan dengan mengambil "individual merits" sebagai asasnya dan juga memandangkan keadaan dasar Kerajaan yang ada sekarang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan bagi Pertanyaan No. 18 hingga 23 adalah diberi di bawah ini).

PENERBITAN BAHASA CHINA—PEMERIKSAAN

18. Tuan Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) masalah-masalah yang selalu dihadapi oleh beliau atau kakitangan Bahagian Penerbitan Kementerian beliau dalam memeriksa dan meneliti penerbitan-penerbitan terutamanya dalam Bahasa China yang diimpot ke Semenanjung Malaysia dari luar negeri;
- (b) memandang kepada beribu-ribu penerbitan dalam Bahasa China dan berjuta-juta salinan yang diimpot diperiksa, samada timbulnya masalah kekurangan pemeriksaan dari Kerajaan; dan
- (c) bilangan pegawai dan kakitangan Bahagian Penerbitan dari Bumiputra dan bukan Bumiputra yang bertugas (beri angka di Pejabat Kuala Lumpur, Johor Bahru, Seremban, Ipoh dan Pulau Pinang).

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):

- (a) Masaalah yang dihadapi oleh Bahagian Penerbitan Kementerian ini ialah membaca dan meneliti penerbitan Bahasa China yang berbagai corak dan jenis yang dibawa masuk dari luar negeri. Pemeriksaan dilakukan dengan teliti dan ini mengambil masa untuk menyelesaikan sesebuah penerbitan itu.
- (b) Buat masa ini Kementerian ini mempunyai cukup kakitangan untuk memeriksa penerbitan-penerbitan Bahasa China yang diimpor ke Semenanjung Malaysia.
- (c) Butir-butir dikehendaki adalah seperti berikut:

	BUMIPUTRA				BUKAN BUMIPUTRA			
	Pegawai		Kakitangan		Pegawai		Kakitangan	
Kuala Lumpur	...	1	...	5	...	1	...	18
Johor Bahru	...	—	...	—	...	—	...	7
Seremban	...	—	...	—	...	—	...	1 (ditempatkan di Kuala Lumpur)
Ipoh	...	—	...	—	...	—	...	1
Pulau Pinang	...	—	...	1	...	1	...	4
JUMLAH	...	1	...	6	...	2	...	31

LLN—BAYARAN BIL LETRIK

19. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan menyatakan samada beliau sedar penduduk-penduduk di bandar Pagoh di Johor terpaksa membayar Bil Letrik mereka di bandar Muar yang terletaknya 18 batu dari bandar Pagoh, kerana Majlis Tempatan Pagoh tidak dapat memungut bayaran-bayaran letrik tersebut kerana ianya tidak mampu membayar wang pertaruhan sebanyak \$2,000 kepada LLN; dan jika ya, nyatakan samada beliau akan mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan ini.

Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob): Saya sedar penduduk-penduduk di bandar Pagoh, Johor terpaksa membayar bil letrik mereka di Muar yang terletaknya 18 batu dari bandar Pagoh semenjak bulan September tahun ini. Tetapi mulai 1hb Disember, 1975 ini, mereka boleh membayar bil letrik kepada Majlis Tempatan Pagoh. Perundingan baru sahaja selesai untuk Majlis Tempatan itu menjadi agen pemungut bagi pihak LLN.

**GAJI PEKERJA-PEKERJA
MAJLIS TEMPATAN**

20. Tuan Loh Fook Yen minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan samada beliau sedar pihak berkuasa Majlis-majlis Tempatan di Johor semenjak melaksanakan tambahan gaji untuk pekerja-pekerja telah mengakibatkan kebanyakan Majlis-majlis Tempatan itu menghadapi kesulitan kewangan mereka, jika ya, apakah langkah beliau akan diambil supaya memperbaiki keadaan itu.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Saya tidak sedar Majlis-majlis Tempatan di Negeri Johor sedang menghadapi kesulitan kewangan akibat daripada melaksanakan tam-

bahan gaji kepada pekerja-pekerja mereka. Ini ialah disebabkan tambahan gaji itu telah dijangka tiap-tiap tahun dan peruntukan yang wajar dibuat di dalam anggaran perbelanjaan tahunan Majlis-majlis itu bagi tahun yang berikutnya.

Bagaimanapun, jika pelaksanaan Lapuran Suruhanjaya Gaji Harun dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu, jawapannya ialah saya memang telah menjangka kesulitan kewangan ini memandangkan kepada kelemahan kebanyakan daripada Majlis-majlis Tempatan di Negeri Johor dalam segi kewangan. Dengan sebab itu saya telah mendapat persetujuan daripada Kerajaan Pusat untuk memberi bantuan kewangan secara pinjaman kepada Negeri-negeri untuk mengelakkan perkara ini daripada berlaku.

DOKTOR—BILANGAN LETAK JAWATAN

21. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan doktor-doktor yang telah meletakkan jawatan dari perkhidmatan Kerajaan dalam masa lima tahun yang lalu, sebab-sebab mereka meletakkan jawatan dan samada keadaan "post Vietnam" telah mengakibatkan lebih ramai perletakan jawatan dalam bulan-bulan yang baru lepas.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):

Bilangan doktor-doktor yang telah meletak jawatan dari perkhidmatan Kerajaan di dalam masa 5 tahun yang lalu adalah seperti berikut:

1970	...	113
1971	...	84
1972	...	83
1973	...	117
1974	...	133
1975	...	125 (sehingga 1-10-1975)

Mengikut rekod Kementerian saya, doktor-doktor ini meletak jawatan di atas alasan-alasan persendirian. Alasan-alasan itu mungkin adalah seperti berikut:

- (1) Mereka bertujuan untuk mengikuti pengajian lepasan ijazah di luar negeri;
- (2) Mereka berhenti dari jawatan Kerajaan untuk menjalankan private practice dalam sektor swasta, mungkin kerana mereka anggap dalam private practice ringan sedikit tanggungjawabnya;
- (3) Mereka tiada puas hati dengan syarat-syarat perkhidmatan Kerajaan seperti soal gaji dan juga beban kerja (work-load);
- (4) Ada juga mereka itu meletakkan jawatan Kerajaan kerana apabila mereka itu melanjutkan pengajiannya dengan menggunakan scholarship Kerajaan, mereka terpaksa menandatangani satu bond atau perjanjian untuk berkhidmat dengan Kerajaan dalam satu tempoh yang agak panjang seperti di bawah ini—

- | | |
|---|--|
| (i) Kursus Lepasn Ijazah di seberang laut | dikehendaki berkhidmat dengan Kerajaan selama 7 tahun. |
| (ii) Kursus Ijazah sarjana tempatan atau sebarang kursus tempatan yang melebihi setahun | dikehendaki berkhidmat dengan Kerajaan selama 4 tahun. |

- | | |
|--|--|
| (iii) Sebarang kursus kurang daripada 1 tahun, tempatan atau pun seberang laut | dikehendaki berkhidmat dengan Kerajaan selama 2 tahun. |
|--|--|

Supaya jangan Yang Berhormat terperanjat dengan angka-angka bilangan doktor yang berhenti dari jawatan Kerajaan yang disebut di atas ini tadi, suka saya memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa Kementerian saya telah juga berjaya mengambil banyak doktor-doktor dalam tahun yang sama seperti berikut:

1970	...	Tiada Rekod
1971	...	301 orang
1972	...	261 ..
1973	...	299 ..
1974	...	348 ..
1975	...	281 (sehingga 31-10-75)

Untuk memperbaiki lagi keadaan-keadaan perkhidmatan di kalangan doktor-doktor dalam negeri kita, Kementerian saya telah mengadakan banyak lagi kemudahan-kemudahan dan peluang-peluang untuk mereka itu melanjutkan ilmu kedoktoran dan peluang-peluang naik pangkat seperti mengadakan scholarship-scholarship dan jawatan kenaikan pangkat tambahan seperti berikut:

(a) Scholarship

Bilangan pegawai perubatan yang diberi scholarship adalah seperti berikut:

1970	...	29 orang
1971	...	14 ..
1972	...	22 ..
1973	...	26 ..
1974	...	25 ..
1975	...	19 ..

Mengenai pemberian scholarship, sambutan dari pegawai-pegawai perubatan telah tidak begitu baik kerana ikatan tempoh perkhidmatan yang dikenakan kepada mereka itu selepas tamat latihan.

(b) Jawatan-jawatan Kenaikan Pangkat Tambahan

Pada 1-1-71 Kementerian saya mempunyai hanya 155 jawatan Tingkatan Tertinggi bagi doktor-doktor pakar dan Doktor-doktor Pentadbiran Perubatan dan dalam tempoh 5 tahun ini Kementerian ini telah menambah banyak jawatan-jawatan kenaikan pangkat tambahan dan pada 1-6-75 bilangan jawatan Tingkatan Tertinggi ialah 345 termasuklah 43 jawatan Pegawai Perubatan Kanan.

Selain dari perkara-perkara yang disebutkan di atas ini, Kementerian ini juga sudah meminda syarat kemudahan cuti tanpa gaji mengenai doktor-doktor yang mengikuti kursus di luar negeri. Di waktu dahulu mereka diberi hanya 6 bulan cuti tanpa gaji tetapi mulai tahun ini mereka boleh mendapat setahun cuti tanpa gaji.

Saya kurang faham apakah "keadaan post-Vietnam" yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban dan apakah kenamengennanya dengan perkhidmatan perubatan di negeri ini. Jadi saya tidaklah dapat memberi ulasan selanjutnya.

KESELAMATAN DI LAPANGAN TERBANG/PELABUHAN/STESYEN KERETAPI/SEMPADAN THAI—MALAYSIA—SINGAPURA

22. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada langkah telah atau akan dijalankan oleh Kerajaan untuk menjaga tempat-tempat berikut serta mencegah dari berlakunya peristiwa menawan Bangunan A.I.A. oleh Tentera Merah Jepun—

- (a) L.T.A.B. Subang dan lain-lain lapangan terbang;
- (b) semua pelabuhan dan perhentian kereta; dan
- (c) sempadan Malaysia-Thai dan Malaysia-Singapura.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Soalan ini sudah dijawab pada 28hb Oktober, 1975.

KESELAMATAN DI LAPANGAN TERBANG/PELABUHAN

23. Dr Hee Tien Lai minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apa langkah-langkah keselamatan yang sedang diambil di lapangan-lapangan terbang dan pelabuhan-pelabuhan bagi memastikan supaya peristiwa Bangunan A.I.A. tidak akan berlaku lagi.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Soalan ini sudah dijawab pada 18hb Oktober, 1975.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) (No. 2)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1973; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA (PINDAAN) (No. 3)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Dadah Berbahaya, 1952; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Undang-undang dan Peguam Negara; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1976

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (17hb November, 1975).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN SEMENTARA, 1976

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dimajukan kepada Jawatan-kuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah sebanyak tidak lebih daripada \$1,982,785,649 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1976, dan bagi maksud Kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan Pembangunan Sementara yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau (P) dalam senarai Belanjawan Persekutuan 1976 yang dibentangkan sebagai Kertas

Perintah 35 tahun 1975, adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut (17hb November, 1975).

Perbahasan disambung semula.

3.35 ptg.

Tuan K. Pathmanaban (Telok Kemang): Tuan Yang di-Pertua, Budget yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita adalah merupakan satu Budget yang:

1. melibatkan keadaan yang tertentu berkenaan dengan cuaca ekonomi pada masa akan datang;
2. membawa kita ke arah tujuan perubahan cukai-cukai direct dan indirect yang lebih berkesan, progressive dan berpatutan dengan tujuan-tujuan atau hasrat-hasrat Dasar Ekonomi Baru kita iaitu mengimbangkan perbezaan di antara golongan yang berada dan golongan yang tidak berada; dan
3. bergerak dengan positive, sekurangnya dari segi fikiran, terhadap masaalah-masaalah mahupun benar ataupun impian yang menghalang pelaburan swasta.

Budget untuk tahun yang akan datang boleh dikatakan membawa segala kepujian kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kita.

Yang Berhormat Menteri kita dalam Budget beliau yang kedua kepada Dewan ini walaupun dengan keadaan cuaca ekonomi yang tidak tertentu stabil telahpun memandang dengan terang kepada masaalah-masaalah yang dihadapi meramalkan kepada masa akan datang dan bagaimana kita perlu menuju ke arah objektif-objektif yang asas dan pentingnya, iaitu, menambahkan pekerjaan, pendapatan dan kebajikan masyarakat kita, khasnya golongan yang miskin atau yang tidak berada di negara kita.

Selain daripada sedikit komen tentang sesuatu aspek Budget itu dan kritik-kritik biasa daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat di sebelah sana, saya berpendapat bahawa orang-orang dari segala lapangan; dari Kerajaan dan dari luar, professional dan lain, pelabur-pelabur dan pekerja-pekerja, mengucapkan bahawa mereka berpuas hati dengan Budget yang dikemukakan itu.

Tuan Yang di-Pertua, jika sebahagian dari kami ada komen-komen di atas Budget itu, komen-komen tersebut adalah untuk menerangkan perspective lebih lanjut lagi, menambahkan sesuatu objektif pada dasarnya ke arah tujuan yang telahpun disetujui, ataupun untuk bercadang kepada Yang Berhormat supaya mengambil perhatian sesuatunya dalam Budget-budget yang akan datang. Keadaan ekonomi pada tahun 1975.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Yang Berhormat Menteri kita dalam Budgetnya pada tahun yang lalu iaitu Budget untuk tahun 1975 memandang dengan optimistic kadar perkembangan GNP sehingga 5%, kemajuan pada tahun ini yang sebenarnya membawa kekurangan kadar perkembangan GNP itu, kurang daripada 2%. Walau bagaimanapun, saya patut menegaskan bahawa selain daripada tanda-tanda yang memuaskan pada bulan-bulan yang lepas, kita berasa belum lagi mengatasi impact recession yang kita menghadapi itu. Maka dengan ini malangnya pelaburan awam pada akhirnya tidak menuju ke arah anti-cyclical dengan cukupnya dengan kadar perkembangan sebanyak $8\frac{1}{2}\%$ sahaja jika dibandingkan dengan 23% pada tahun 1974. Jikalau kita mengambil perhatian kepada pelaburan swasta yang kadar perkembangannya negative sebanyak 5% maka kita boleh memberi kesimpulan atau conclusion bahawa stimulus pada ekonomi daripada sector awam tidak mencukupi dan procyclical dan bukannya anti-cyclical seperti yang diharapkan. Ini adalah keadaan yang malang, oleh kerana besarnya deficit dalam Federal Budget tidak begitu menrunsingkan, selepas kelebihan sebanyak \$473 juta pada tahun 1974 dan surplus pada keseluruhannya pada tahun 1975. Yang sebenarnya, kekurangan atau deficit dan kelebihan (surplus) dalam Budget pada satu tahun tidaklah begitu penting. Apa yang pentingnya ialah kekuatan kewangan sector awam pada masa jangka panjang dan pada keseluruhannya.

Walaupun bagaimanapun kami tidak menyatakan bahawa perbelanjaan semasa boleh diabaikan perkembangan dengan average rate yang paling tinggi sebanyak 20% yang didapati pada tahun-tahun 1971 sehingga 1975.

Ini adalah perkembangan perbelanjaan semasa yang paling tinggi jika dibandingkan dengan perkembangan GNP sebanyak 7%

sahaja pada masa itu. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada perkembangan ini adalah akibat inflasi dan perubahan-perubahan gaji pada amnya yang terlewat.

Ada juga disebabkan oleh kerana perkembangan yang tidak diawasi tentang penubuhan dan pembesaran perbadanan-perbadanan awam. Duplication terlalu banyak didapati dalam perlaksanaan tugas-tugas di antara perbadanan-perbadanan awam itu. Umpamanya dalam sektor pertanian didapati lebih kurang 20 perbadanan-perbadanan yang duplicate tujuan-tujuannya dan juga tugas-tugas mereka. Satu operasi penyelarasan dan kekurusan (slimming operation) adalah sangat mustahak dan perlu diambil. Saya berharap supaya pembekuan pekerjaan di kalangan sektor awam pada masa ini akan digunakan oleh Kerajaan sebagai cara untuk mencapai tujuan kekurusan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Belanjawan untuk tahun 1976, saya bercadang untuk mengemukakan dua atau tiga alasan tentang Belanjawan itu dan kemudiannya ingin menyentuh sesuatu daripada aspek-aspek ekonomi dan kewangan pada keseluruhannya.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin meneruskan ucapan saya dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sudah bagus dan lancar dalam Bahasa Malaysia, sila teruskan!

Tuan K. Pathmanaban: Meramalkan keadaan ekonomi pada masa stagflasi sekarang tidaklah begitu senang, tetapi pada fikiran saya kita bolehlah menyoalkan dengan analisa yang kuat bahawa setengah ramalan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita dan pihak Perbendaharaan dalam Laporan Ekonomi yang telah dibentangkan di Dewan ini. Satu performance economy dalam tahun 1976, saya minta izin, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masih lancar dan bagus, teruskan!

Tuan K. Pathmanaban: Perkembangan GNP setinggi 6.2% yang diramalkan untuk tahun 1976 nampaknya adalah terlalu optimistic untuk tahun 1976. Kita ada melihat tanda-tanda di negara-negara industri

bahawa mereka takutkan inflasi lebih daripada recession dan trade-off yang biasanya dibuat di antara kenaikan harga dan kenaikan pengangguran adalah sekarang ini dibuat di satu peringkat yang lebih tinggi daripada yang biasanya. Dengan demikian, pengangguran dalam negara-negara yang maju adalah sekarang ini sangat tinggi barangkali pada satu level yang tidak dicapai dalam tahun-tahun enam puluhan itu dan semua negara-negara ini nampaknya segan dan susah untuk reflate ekonomi-ekonomi mereka dengan kuat atau dengan berkesan. Energy crisis yang mereka hadapi dan pengalaman pada tahun-tahun yang lalu barangkali ada membuat sedikit contribution kepada psychology mereka ini dan juga saya fikir mereka sangat takut berkenaan dengan kadar inflasi yang telah meningkat ke-dua digit dalam tahun 1973 dan 1974 di setengah-setengah negara itu.

Saya fikir dengan psychology ini, kita tidak boleh mengharapkan bahawa negara-negara yang maju seperti Amerika Syarikat, Negara Jepun atau Germany atau lain-lain negara yang terkandung dalam kumpulan O.E.C.D. akan maju dengan kadar yang cepat pada tahun hadapan dan saya fikir kenaikan GNP mereka akan bergerak dengan perlahan sahaja, rangka graph itu akan "shallow" lagi dan tidak akan naik dengan kadar yang cepat seperti kita alami dalam masa inflation, recession dan growth dalam analisa business cycle yang biasa. Jika kita mengaku dengan keadaan ini, kita haruslah juga menerima bahawa perkembangan dalam ekonomi negara-negara yang maju ini tidak akan mula pada awal tahun hadapan dan barangkali kita akan melihat tanda-tanda perkembangan yang cepat sedikit pada pertengahan tahun kedua pada tahun hadapan.

Kita di Malaysia seperti biasa kenalah menunggu untuk time lag untuk akibat-akibat perkembangan ekonomi dicerminkan dalam demand yang kuat untuk eksport-eksport kita yang boleh mendatangkan perkembangan ekonomi kita. Time lag itu telahpun biasa pada tahun-tahun yang lepas dan saya fikir time lag ini juga akan kita lihat pada tahun hadapan. Dengan keadaan itu harapan Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa GNP kita akan berkembang kepada kadar 6.2% perkembangan sebenarnya (real growth) ini mungkin sangat optimistic dan ada kemungkinan bahawa sektor eksport yang kita harap akan menarik

dan membawa ekonomi kita untuk perkembangan itu tidak akan dapat faedah seperti yang diramalkan. Barangkali kerana keadaan inilah Yang Berhormat Menteri Kewangan kita dalam ucapan Belanjawan beliau tidak merangkakan atau memberitahu kita apakah kadar kenaikan ekonomi yang diramalkan untuk tahun hadapan. Kadar 6.2% itu hanya dikandungkan dalam Lapuran Ekonomi yang dibentangkan oleh Pihak Perbendaharaan.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Begitu panjang, baru yang kedua. Sila teruskan.

Tuan K. Pathmanaban: Yang kedua, ialah berkenaan dengan kadar kenaikan harga-harga dalam tahun-tahun hadapan. The Consumer Price Index yang dijangkakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan akan naik sebanyak 6% dalam tahun 1976 dan 1977 berbanding dengan 7% yang telahpun dicapai atau diramalkan untuk tahun 1975 dan 17% yang dicapai dalam tahun 1974. Saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, bahawa ada banyak faktor yang akan menimbulkan beberapa keraguan (doubts) kepada kita di atas assumption yang dibuat oleh pihak Perbendaharaan dalam ramalan ini bahawa kenaikan harga-harga itu akan dihadkan pada 6% sahaja pada tahun-tahun depan. Satu daripadanya kita mungkin akan ada satu kenaikan dalam harga-harga petroleum fuel, minyak tanah, minyak diesel dan lain-lain berikutan dengan harga yang telah direvised oleh pihak OPEC.

Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah memberitahu kita pada 12hb November yang lalu bahawa pengusahapengusaha telahpun meminta kenaikan harga minyak itu. Kenaikan ini jika dibenarkan saya fikir ini akan dibenarkan jika kita melihat apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri itu—akan membawa akibat kepada harga pada keseluruhannya. Dan saya fikir tidak ada peluang untuk cukai Kerajaan di atas minyak diesel atau minyak tanah dikurangkan pada tahun-tahun yang akan datang. Kekurangan itu telahpun diberi pada tahun-tahun yang lepas.

Yang kedua, faktor yang saya fikir adalah mustahak dalam kadar harga ini adalah harga barang-barang yang diimport. Jika kita melihat harga-harga itu yang telahpun ditunjukkan

dalam Lapuran Ekonomi Perbendaharaan, harga-harga itu tidak akan turun pada tahun-tahun yang akan datang dan dengan perkembangan ekonomi walaupun sedikit sahaja walaupun perlahan-perlahan, perkembangan ekonomi trading partners kita, negara-negara yang menjual barang kepada kita, harga import itu akan naik bukan turun. Kekurangan atau decline in value of the Malaysian ringgit yang pada masa ini adalah sebanyak 10% jika dibandingkan dengan nilai matawang negara-negara yang menjual barang kepada kita, akan juga bertambah harga-harga import kita pada beberapa bulan yang akan datang.

Yang ketiga, faktor yang mustahak saya fikir adalah cukai-cukai yang telahpun dinaikkan oleh Yang Berhormat Menteri kita dalam Budgetnya pada minggu yang lalu. Satu daripadanya, import duty di atas satu senarai besar barang-barang yang digunakan oleh rakyat Malaysia telahpun dinaikkan dan surtax di atas import telahpun dinaikkan 1%. Surtax ini dikenakan selepas cukai import telahpun dikenakan di atas barang-barang yang diimport itu. Kedua-duanya ini akan mendatangkan satu impact yang saya rasa agak besar di atas barang-barang yang biasa digunakan oleh rakyat Malaysia kita. Kita harus ingat, Tuan Yang di-Pertua, bahawa the basket of goods di dalam consumer price index kita terkandung sebanyak 40% barang-barang yang diimport dan tambahan kepada excise duty di atas barang-barang yang digunakan pada biasanya walaupun boleh dikatakan tidak begitu mustahak dan tidak begitu luxury, tambahan excise duty di atas barang-barang ini akan juga menambah beban kepada harga barang-barang.

Barang-barang yang dikenakan cukai itu listnya sangat panjang dan impactnya akan juga begitu besar. Kita tahu bahawa pihak-pihak pengimport dan yang menjual barang biasanya ada practice rounding off kepada 5 atau 10 sen yang berdekatan dan juga mengambil peluang ini cash in untuk menaikkan harga barang-barang yang tidakpun dikenakan cukai. Dan dengan dikenakan cukai ini akibatnya luas, saya fikir adalah sedikit sahaja countervailing forces iaitu bertambahnya bekalan barang-barang makanan, bertambahnya simen dan lain-lain walaupun kita belum lagi jumpa tanda-tanda itu. Ada countervailing forces yang sedikit sahaja untuk berlawanan dengan pressure yang datang daripada tiga faktor yang saya katakan itu untuk menambah kepada harga barang-barang kegunaan biasa. Jika begitu, Tuan

Yang di-Pertua, kita boleh mengharapkan bahawa price level pada tahun hadapan tidak akan kurang dan barangkali akan naik walaupun sedikit.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Satu minit lagi, Yang Berhormat.

Tuan K. Pathmanaban: (*Dengan izin*) Saya fikir Yang Berhormat Menteri Kewangan kita touched on a very important point about private sector investment. He said that he would keep his doors open and he welcomed a free flow of ideas from the private sector in respect of the real objectives that we have set for ourselves. I think, in the past, there are certain actions we have taken which, while they may not have killed the goose that laid the golden egg in the private sector, while they may not have driven away that goose from our shores, they most certainly, I think, hampered, hemmed in and beat up that goose fairly badly on a number of occasions. I think the assurance of the Honourable Minister of Finance that he would keep his doors open for a free, full and frank dialogue is a particularly welcome one and we expect that the decisions by the Government, the assurances by the Government on private investment, which forms a very important component of our economic growth of our investments, that these promises will be carried out and that these promises will stretch beyond investment conferences and mere speeches and that they will be reflected in the actions of civil servants at various levels of Government—State, Federal and District—as well as among party youngsters who seem to have been prone, in recent years, to make their own pronouncements and interpretations of what constitutes the New Economic Policy and what constitutes the policy in any particular regard.

I hope that the Minister of Finance will keep his doors open to the private sector, industrialists as well as to commercial banks in respect of financing of private sector investment for housing, industrial development and so on, so that we may re-establish the confidence and clarity that have slowly been eroded as a result of these uncontrolled *ad hoc* pronouncements and implementation of policies and programmes.

3.58 ptg.

Datuk Peter Lo Su Yin (Gaya): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kerana diberi peluang kepada saya berucap dalam perbahasan mengenai Belanjawan, 1976 ini dan saya menyokong Belanjawan, 1976 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menyambung ucapan dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ikut contoh Yang Berhormat dari Telok Kemang. Cuba dalam Bahasa Malaysia dan sudah tidak boleh jalan lagi, baharu pakai tungkat bahasa Inggeris.

Datuk Peter Lo Su Yin: Tuan Yang di-Pertua, susah.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Cuba sedikit dahulu.

Datuk Peter Lo Su Yin: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan setinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan.

(Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

(*Dengan izin*) I join hands with those Ahli-ahli Yang Berhormat who have spoken before me from this side of the House, in congratulating Yang Berhormat Menteri Kewangan on his Budget philosophy. I think the inherent strength of that philosophy is its humanising quality. Long may it prevail among us.

Sir, it is good to see that the Government is adopting a cautious attitude in the formulation of its fiscal and economic policies. There is need for such caution at these uncertain times and the Government's posture is, therefore, entirely correct and justified. At the same time, may I express the hope that the light at the end of the tunnel, which the Government says it has now seen, is a real one and not merely an illusion, as it can be, having regard to the various imponderables to which we, as a trading nation with an "open economy" are exposed. After all, economists, however eminent, are not infallible. Indeed, they have been proved wrong many times in the past, and they could go wrong again. The

fact that so many of these economists differ in their views as to the best cure for the present ills of the world economy, suggests that there is really no cut-and-dry answer to any of the problems with which they are charged to solve or try to solve. All this is not to denigrate the work of these experts in this field of study. It is merely to remind us that the economic situation is a complex and difficult one, which will not admit of an easy solution.

In this context, Sir, I am glad to note that the Government is not setting too much store by what these experts have forecast in regard to the economic outlook, whether for a short or a long term, nor is it solving difficult problems by rhetorical sleight-of-hand. These problems require careful handling and it is gratifying to note that the Government is proposing to deal with them as they arise "on their merits". I congratulate Yang Berhormat Menteri Kewangan on his approach to the problems—an approach which is based largely on commonsense view points, pragmatism, flexibility and caution are obviously the necessary ingredients for use in such circumstances.

I congratulate the Yang Berhormat Menteri Kewangan, too, for his tax proposals which I think are generally fair and reasonable. However, I feel that these proposals could be improved if adjustments were made to some of them, in a way which would give substance to the humanising quality to which I have earlier alluded. In this regard, I would like to speak on two of these proposals—one on direct taxation and the other indirect—both of which have already been touched upon by other speakers before me. But they will bear repetition.

The first of these is the proposal to increase the income tax rates. As I understand it, the rationale behind the proposal is to bring greater progressivity in the rates structure so as—here I would like to quote the words of Yang Berhormat Menteri Kewangan—"to create a more equitable distribution of tax burden on the concept of ability to pay". Put it that way, I am all for the increase, bearing in mind, especially, that the Government is committed to the task of creating a more egalitarian society. At the same time, I am sad to note that while recognising the efforts of inflation on our people which are considerable, no increase in the amounts in personal reliefs

has been provided for. I submit that there is a case for the Government to give active consideration to this aspect of the matter with a view to ameliorating the lot of many of our people who are experiencing hardships because of inflation. This refers particularly to those in the low income groups and those who, whilst in receipt of fairly high income, comparatively speaking, have to support large families and other dependants. As the Government is aware, the size of a wage-earner's income packet ought not to be used as the sole yardstick by which to measure wealth or the lack of it. There is the size of the family, the number of children that he has, and going to schools, and other dependants such as the wage-earner's parents, to consider. In the event, no relief is allowed for the latter category of dependants. The net result of all this is that, unhappily, although a person may be in receipt of a much higher salary than someone else, yet he may be financially worse off because of family commitments. There is also the consideration that the higher a person goes up in the salary scale, the more he is expected to spend because of social obligations of one kind or another. So, all in all, Tuan Yang di-Pertua, I urge the Government to grant an increase in the amounts for personal reliefs, an increase commensurate with the need to relieve inflationary pressures on individual's pockets. I believe any increase made in this connection can be justified on revenue and equity grounds: revenue in the sense that the loss of anticipated receipts will not be significant, and equity in the sense of conferring a sort of *quid pro quo*.

The other is the proposal to increase the import duty on fruits, particularly oranges and apples. I feel that the proposed measure is rather tough to our people in Sabah. As Honourable Members are aware, prices of most things imported into Sabah are much higher compared to those prevailing in Semenanjung Malaysia. And prices for fruits are no exception. Imported oranges and apples, apart from their traditional uses referred to by most Ahli-ahli Yang Berhormat are essential foodstuffs, if they may be so described, in so far as we in Sabah are concerned. They are essential because it is impossible, even in the best of times, to obtain local oranges in the markets. This is due to the absence or lack of organised plantations of these fruits—or of

any other fruits for that matter—in the State. Here again, I would urge the Government to withdraw the proposed imposition. Alternatively, the imposition ought not to be made applicable to Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, save and except the two proposed measures to which I have referred, I have no quarrel with most of the impositions. As I have stated, the proposals, as a whole, are fair and reasonable and they should receive the general approbation of all of us. In passing, I am glad to note that the revenue collected therefrom, plus the loans which we shall obtain hereafter, will see us through another year of healthy economic growth within the limits imposed by factors over which we have no control. Also, it is noteworthy that, despite the size of our debts, which is not small, we are conservatively liquid and are by no means broke. We are solvent—whatever our detractors may say.

Now, Sir, a word or two in the development side of things. It will not be long now before the Government makes a final report on the works to be carried out under the Second Malaysia Plan, which is soon to end. In this regard, I would like to touch on the subject of the trunk roads now being constructed in Sabah. I understand that the State has been allocated a sum of \$32 million for the purpose. Despite the allocation, however, I understand not much progress has been made in the construction of these roads. The money is there to be spent, but it is not spent, or at any rate not much has been spent. What has gone wrong? These roads are important to our people: they must be, or works would not have been carried out to build them. The Honourable Minister concerned, who is from Sabah, knows how desperately urgent the roads are required for use by our people. In fact, these roads are intended to be their life-line, and without them not much progress can be made in the social, economic and political fields. Also our people have emerged from the colonial chrysalis long enough to expect a better standard of living. And roads are the first requisite to enable them to achieve this. Indeed, without these roads, economic development will be stultified. Here again, I would urge the Government to look into the problems as to why construction is delayed. Delays will inevitably mean that costs would go up higher due to the inflationary trends, albeit such trends have, it seems, now been arrested.

Speaking of the trunk roads, Sir, I am reminded of the various complaints which we have heard concerning the use of them by heavy equipment vehicles. These roads are not built for this type of vehicles. As a result of the indiscriminate use of the roads, wear and tear have been heavy and fast. Pot-holes are to be seen everywhere. The question that arises is this—should we allow these heavy vehicles to use the roads? I understand that these vehicles have no business to be there in the first place. They are for use in the estates, especially in the timber camps, and the only explanation is that they are there for the convenience of the operators. We ought to put a stop to this practice, which is quite unfair to the people as a whole. Alternatively, if these vehicles are to be allowed to use the roads, for purposes best known to the owners then the owners should be made to pay compensation for damage caused to them, and in any event, they ought to pay a toll which should be levied according to the sizes and types of vehicles. I therefore urge the Ministry concerned to also look into this matter, which is one of urgency, because the longer things are left unattended, the greater will be the damage to the roads. Also the ordinary users of the roads will be discouraged from using them since, I am told, that apart from the damage which has been done by these vehicles, many of these vehicles have also been left on the roadside, thereby causing obstructions to all lawful users of the road, and generally endangering lives and property.

Finally, Mr Speaker, Sir, I would like to say a few words on the subject of loans made to bumiputra small businessmen under the Guaranteed Loans Scheme. There can be no doubt that the intention behind the Scheme is a very good one, and if properly implemented, will go a long way towards helping the small men in building up their trades or business—and in the process, in raising their standard of living. In my experience, however, the Scheme has proved in many cases—and the number is not small in proportion—to be a bane rather than a boon to these bumiputra businessmen. As I see it, the loans made to them are not properly processed for the purpose of determining whether the projects which are the subject of a loan application or applications, are, in each case, an economic proposition. There is also the case that, even though the particular project

or projects are viable, the applicants for loans have not the slightest clue on how to go about their business in an economic manner. The result is a disaster for all concerned. For the small businessman, he is often compelled to "close shop" after a short while and for the banks and Government a loss of good money. To remedy the defects in the Scheme, I would like to see that the Government set up a special body, staffed by officers trained for the purpose, who shall be charged with the duty of advising or otherwise supervising the work of the small men whose applications for loans have been approved. These officers should in fact be required to make periodical visits to the places of business or trade and thereafter report back their findings for such action as to be taken as may be necessary. In this way, I feel the Scheme will be given a chance to prove its worth. As things stand, there is a high risk that the object of the Scheme is likely to be defeated.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

4.15 ptg.

Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed (Arau): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi kesempatan kepada saya membahaskan Ucapan Belanjawan dan menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1976 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada 6 haribulan November yang lalu.

Anggaran Belanjawan yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan itu adalah satu Anggaran Belanjawan yang menasabah dan sesuai dengan keadaan yang tidak memberatkan rakyat yang berpendapatan kecil yang menumpukan penuh perhatian kepada golongan rakyat yang tidak bernasib baik yang berhati-hati lebih ketat di dalam melaksanakan matlamat socio-ekonomi negara.

Keseluruhan cukai yang dikenakan atau yang dinaikkan tidak melibatkan rakyat yang berpendapatan kecil, malah ibubapa di kampung-kampung mengeluh lapang dan lega dengan kenaikan-kenaikan itu kerana tidak melibatkan mereka.

Perhatian yang lebih kepada rakyat yang berpendapatan kecil yang telah ditekankan di dalam Ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri itu adalah merupakan

hadiah tahunan yang berulang kepada golongan rakyat jelata. Saya katakan hadiah yang berulang kerana perhatian Kerajaan kepada golongan rakyat yang miskin bukanlah kali pertama dilakukan dan bukanlah juga merupakan sebagai satu perubahan sikap sepertimana yang telah disangkakan oleh setengah-setengah golongan.

Rakyat semenjak dari awal-awal lagi telah mendapat perhatian yang sewajarnya daripada Kerajaan, sebab itulah mereka tidak berbelah bahagi menyokong Kerajaan dan menerima rancangan-rancangan Kerajaan, menerima seruan-seruan Kerajaan dan nasihat-nasihat Kerajaan. Kerajaan telah memberi pertolongan kepada golongan rakyat yang berpendapatan kecil, kemudahan-kemudahan asas semenjak dari mula-mula lagi kita mencapai kemerdekaan di dalam Rancangan Malaysia Kedua, sekarang kita diambangkan pintu memasuki Rancangan Malaysia Ketiga. Kemudahan-kemudahan asas masih lagi dikehendaki oleh rakyat jelata. Kemanakah perginya wang yang dicurahkan oleh Kerajaan bagi maksud itu, mengapakah begitu kontong bumi Malaysia, begitu banyak dan begitu lama curahan rahmat yang dicurahkan tetapi tidak dinikmati oleh rakyat jelata.

Negeri-negeri yang tidak bernasib baik samada di Semenanjung Malaysia atau di Malaysia Timor sangat berharap kepada perhatian yang berat sepertimana yang diucapkan oleh Menteri Kewangan itu. Saya bawa contoh di sini seperti Negeri Perlis, perhatian berat dan segera khususnya di dalam perbekalan air. Negeri Perlis sebuah negeri yang kecil yang tidak mempunyai sungai-sungai yang besar. Sumber air bagi minuman penduduk-penduduk digali di dalam perut bumi. Jikalau di negeri-negeri lain galian perut bumi mengeluarkan hasil minyak, tetapi negeri Perlis mengeluarkan hasil bumi yang digali untuk mengeluarkan air minuman, itu pun tidak mencukupi. Penggunaan air hingga hari ini pada sehari ialah 2.4 juta gelen, air yang diambil daripada perut bumi cuma sebanyak 1.7 juta gelen sahaja.

Kekurangan pada tiap-tiap hari 0.7 juta gelen. Penduduk-penduduk di Negeri Perlis masih lebih daripada 1/3 kawasan penduduk yang belum mendapat bekalan air. Saya katakan tidak sempurna bekalan air di Perlis disebabkan oleh kekurangan air itulah yang patut mendapat perhatian yang sewajarnya

daripada pihak yang berkenaan. Begitulah juga di Negeri-negeri lain bekalan ataupun kemudahan-kemudahan asas ini masih lagi diperlukan.

Rakyat berasa lapang dengan kenaikan cukai sepertimana yang saya katakan, yang telah diistiharkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, tetapi di dalam keadaan yang menyukakan, mereka berasa bimbang. Mereka bimbang kerana diselubungi dengan rasa ragu-ragu. Rakyat bimbang dengan kenaikan cukai kepada barang-barang mewah itu menambahkan lagi nafsu pihak yang bernaifu kepada kemewahan. Menambahkan selera pihak yang sedang menikmati kemewahan atau sekurang-kurangnya yang menjadi serbuk perasa yang enak dan lazat bagi makanan-makanan yang bersuap. Sebelum daripada ini pun masalaah bernaifu kepada kemewahan telah menjadi perkara yang serious dibincangkan dan dipersoalkan, tetapi tindakan hingga setakat ini belum berkesan lagi. Saya berharap pihak yang berwajib berwaspada dalam perkara ini dan sememangnya tema kewangan dan perbelanjaan sepertimana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan adalah berwaspada, baik buruk daripada kenaikan cukai barang-barang mewah itu diperhitungkan, kalaulah didapati keburukan lebih banyak daripada kebaikan, hapuskan sahaja cukai-cukai itu dan tegah langsung barang-barang mewah yang dibawa masuk ke dalam negeri ini daripada dimasukkan supaya nafsu-nafsu pihak-pihak yang ingin kepada kemewahan itu tidak tercapai.

Dalam menyentuh sifat kewaspadaan lagi, saya suka menarik perhatian pihak yang berkenaan di dalam masalaah pelajaran. Kalau kita tengok kepada apa yang tercatat di dalam buku Anggaran Belanjawan berhubung dengan pelajaran sangat-sangat mengambil berat untuk memupuk perpaduan negara, perkembangan peribadi, membetulkan ketidakseimbangan dalam pelajaran, mewujudkan tata-tertib, memajukan kebajikan-kebajikan penuntut. Kalau kita pandang kepada ini patutlah diberikan terima kasih kerana tujuan-tujuan yang telah dicatitkan itu menunjukkan kesungguhan di dalam mengambil berat berkenaan dengan kerohanian. Di dalam masalaah ini, apa yang telah berlaku di masa-masa yang lalu saya katakan ialah kekurangan perhatian di dalam masalaah kerohanian itulah menyebabkan banyak perkara-perkara yang tidak diingini telah berlaku

di dalam masalaah pelajaran. Misalnya, demonstrasi pelajar-pelajar samada di dalam atau di luar negeri adalah disebabkan oleh kekurangan perhatian yang telah diberikan berhubung dengan perkara kerohanian di dalam pendidikan kita.

Di dalam beberapa tahun yang lalu kita dapati dalam masalaah pelajaran ini guru-guru telah terpesong daripada landasan kerohaniannya mengambil berat berkenaan dengan kebendaan khususnya di dalam tuntutan gaji mereka, ini menyebabkan kejadian-kejadian telah berlaku ketaksiran di dalam memberikan kerohanian kepada anak-anak. Itulah sebabnya maka kita dapati anak-anak yang telah keluar daripada sekolah rendah dan sekolah menengah di dalam beberapa tahun yang lalu telah begitu mudah terpesong daripada landasan kerohanian melakukan perkara-perkara yang tidak diingini walaupun perkara-perkara itu berlawanan dengan kehendak negara.

Begitu juga Kementerian Pelajaran sendiri di dalam masa-masa yang lalu sangat-sangat menekankan di dalam memberi propaganda ataupun penerangan-penerangan berhubung dengan sains dan teknologi, tetapi sebaliknya di dalam masalaah-masalaah kerohanian sangat dikurangkan, padahal masalaah sains dan teknologi itu adalah berasaskan kepada kebendaan, tetapi masalaah tatatertib dan sebagainya adalah berasaskan kepada kerohanian. Perkara-perkara yang berasaskan kepada kebendaan adalah boleh dilihat dengan pancaindera, tetapi perkara-perkara yang tidak merupakan kebendaan itu tidak dapat dilihat dengan pancaindera. Kita boleh memanaskan air dengan memakan masa yang lama, tetapi kita boleh membakar batu dengan masa yang sedikit, tetapi batu yang kita bakar itu akan sejuk dengan cepatnya dan air yang kita panaskan itu lambat akan sejuknya. Maka begitulah juga keadaannya dengan perkara-perkara yang bersangkutan dengan kerohanian dan perkara-perkara yang bersangkutan dengan kebendaan. Perkara-perkara yang bersangkutan dengan kebendaan ini tidak payah kita propagandakan dengan banyak, kerana apa yang dinampak dengan pancaindera itu dapat dicapai dengan senang dan mudah tetapi perkara-perkara yang tidak nampak dengan pancaindera itu sangat lambat diterima tetapi lambat pula kesannya akan hilang. Maka dengan sebab itu, apa yang tercatat di dalam Anggaran Belanjawan berhubung dengan pelajaran ini sangat-sangatlah membanggakan saya, kerana di

dalam apa yang dicatitkan itu telah menunjukkan titik-berat yang lebih kepada perkara-perkara berkenaan dengan kerohanian.

Di dalam perkara ini, suka juga saya mencadangkan untuk menambahkan lagi kokohnya pelaksanaan dasar ini, Kementerian Pelajaran di dalam menitik-beratkan berkenaan dengan kerohanian ini hendaklah melaksanakan sistem ataupun peraturan guru-guru yang bertugas sebagai guru bimbingan di sekolah-sekolah hendaklah merupakan sebagai guru-guru yang bertugas penuh masa tidak sepertimana yang ada sekarang ini. Sekarang ini guru-guru di dalam memberi tugas bimbingan menjalankan kerja sambilan. Kalau mahu kepada perkara tatatertib dan disiplin di sekolah itu dapat dilaksanakan dengan kokoh, maka guru-guru bimbingan ini hendaklah diberi kepada seorang yang menjalankan kerja yang sepenuh masa, sebagai guru bimbingan, kerana mereka dapat menumpukan tugasnya betul-betul ke arah memimpin murid-murid di dalam masaalah ini. Dalam perkara ini negara kita sekarang ini tidak kurang pakar-pakar di dalam bidang ini yang mana banyak universiti-universiti di tanahair kita ini telah mengeluarkan bijak-pandai dalam soal sociology dan anthropology, mereka ini susah dapat pekerjaan di tempat-tempat yang tertentu padahal dalam bidang pendidikan masih banyak berkehendakkan kepada mereka ini. Dengan sebab itu, saya tekankan kepada Kementerian yang berkenaan patutlah menggunakan mereka ini bagi menjadi guru-guru bimbingan untuk membimbing anak-anak kita. Kalau cadangan saya ini dilaksanakan, maka masaalah berkenaan dengan moral dan disiplin dapat dikawal.

Kedua, berhubung dengan pengambilalihan guru-guru agama sepertimana yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran kepada soalan yang telah diberikan tadi, diharapkan janganlah ditangguh-tangguhkan lagi perkara ini. Saya katakan begitu kerana kalau sekiranya ditangguh-tangguhkan maka ini adalah salah satu daripada perkara-perkara yang boleh menyebabkan kelemahan di dalam masaalah mendidik anak-anak dan memberikan semangat kerohanian kepada mereka.

Ketiga, saya berharap Kementerian yang berkenaan hendaklah jangan menangguh-tangguhkan lagi mengambilalih sekolah-sekolah agama bagi tiap-tiap negeri, kerana

kalau sekiranya perkara ini dilengah-lengahkan saya percaya negara kita sedikit masa lagi akan kekeringan penuntut-penuntut ataupun pakar-pakar berkenaan dengan agama. Sebab apa yang saya katakan begitu, sekarang ini pun pakar-pakar ataupun bijak-pandai dalam soal agama dibekalkan oleh Sekolah-sekolah Rakyat kepada menuntut ilmu pengetahuan agama yang lebih luas. Tetapi sekarang ini apa yang telah berlaku kebocoran di dalam membekalkan penuntut-penuntut untuk menjadi calon-calon bagi mempelajari ilmu pengetahuan agama yang lebih. Kerana mereka itu manakala lulus Peperiksaan S.P.M. atau H.S.C. tidak mahu lagi menyambung pelajaran mereka kepada perkara-perkara yang berhubung dengan agama. Sebaliknya, mereka telah mengambil jurusan-jurusan yang lain daripada jurusan itu.

Sebagai contoh saya bawakan di sini, murid-murid yang lulus di dalam Tingkatan III di Sekolah-sekolah Agama Rakyat yang mendapat markah yang tinggi di dalam masaalah ini telah dimasukkan ke sekolah yang lebih tinggi lagi di dalam Tingkatan IV hingga Tingkatan VI iaitu di Kolej Islam, Kelang. Tetapi manakala pergi ke sana mereka itu disalurkan kepada Bahagian Sains. Pelajaran yang mereka perolehi daripada peringkat rendah lagi telah mereka pesungkan kepada sains untuk kanak-kanak itu melanjutkan pelajaran mereka. Ini adalah saya katakan satu perkara yang menyebabkan keringnya pakar-pakar di dalam agama di dalam masa sedikit hari lagi. Jadi, dengan sebab itu saya tekankan di sini supaya Kementerian yang berkenaan jangan belengah-lengah lagi di dalam mengambilalih sekolah-sekolah agama ataupun mendirikan sekolah-sekolah agama di tiap-tiap buah negeri di Malaysia ini supaya dapat membekalkan anak-anak kita bagi menambahkan ilmu pengetahuan mereka di dalam pengetahuan agama. Kalau tidak, tidak ada ertinya pada pendapat saya Jurusan Pengajian Islam di Universiti Malaya dan di Universiti Kebangsaan di masa hadapan kerana kita tidak mempunyai anak-anak yang berbakat yang boleh melanjutkan pelajaran di dalam masaalah itu.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup, saya beri dua minit lagi.

Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Yang akhir sekali, saya suka menarik perhatian berkenaan dengan ugama di Jabatan Perdana Menteri. Di dalam masaalah ini saya menyentuh satu sahaja oleh kerana masa tidak mengizinkan iaitu berkenaan dengan Dakwah Islamiah. Kalau kita tengok kepada rancangan-rancangan ataupun aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan oleh Jabatan itu memang membanggakan, tetapi saya harap jangan melengahkan di dalam perkara ini khususnya berkenaan dengan dakwah kerana sekarang ini dakwah dijalankan oleh badan-badan yang bersendirian dan dakwah itu dibahagi-bahagikan mengikut aktiviti masing-masing. Ada badan-badan dakwah yang menumpukan semata-mata kepada ibadat ada badan-badan dakwah yang menumpukan semata-mata kepada zuhud dan ada yang berasaskan politik, kebajikan dan juga untuk menarik orang-orang bukan Islam masuk Islam—berasingan. Padahal Islam tidak boleh mengasingkan di antara satu sama lain dan di dalam masaalah ini kalau sekiranya Jabatan Ugama di Jabatan Perdana Menteri tidak mengambilalih dengan cepat ataupun menyantukan kegiatan ini di bawah pentadbirannya, maka faedah tidak akan tercapai. Sebab apa saya berkata begitu, kerana kalau badan-badan yang sekarang ini bergerak cenderung kepada politik akan memberi kesan yang buruk kepada perkembangan politik di tanah-air kita ini. Kalau sekiranya badan-badan itu semata-mata beraktiviti berkenaan dengan zuhud, maka kalau sekiranya berkesan dakwah mereka itu, kita dapati di dalam masyarakat kita ini, mereka yang meninggalkan dunia semata-mata menuju kepada akhirat

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed: Jadi dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tamatkan ucapan saya.

4.36 ptg.

Datuk Nik Hassan bin Abdul Rahman (Kuala Nerus): Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menimbulkan sedikit pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat mengenai dengan satu dua perkara yang penting sahaja, sukalah saya menyertai Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang telah berjaya sebagai Menteri Kewangan buat

kali yang keduanya membentangkan satu Rang Undang-undang Belanjawan yang boleh dikatakan telah diterima dengan baik oleh segenap lapisan rakyat negara kita ini, sekalipun ekonomi negara dan kewangan negara tidaklah begitu sihat. Saya sendiri tidak mengharapkan satu Belanjawan yang lebih baik daripada apa yang telah dapat dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat itu.

Apa yang kita semua patut mengambil perhatian ialah ucapan Yang Amat Berhormat itu penuh dengan ingatan, harapan, kekecewaan, dan keraguan dalam berbagai-bagai masaalah mengenai dengan ekonomi negara bagi tahun hadapan. Sekalipun begitu, jelas kepada kita semua bahawa Belanjawan, 1976 yang berthemakan berwaspada, pragmatic, flexible dan berfalsafahkan bahawa Belanjawan akan memainkan peranan yang dinamik dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi tidak sedikit pun menunjukkan tanda-tanda bahawa Kerajaan akan mengurangkan perbelanjaan pengurusannya atau akan mengambil langkah-langkah berjimat-cermat. Sekalipun tidak ada jawatan-jawatan baru dalam Belanjawan itu, tetapi belanja pengurusan bagi tahun 1976 nampaknya lebih tinggi daripada tahun ini. Keadaan kewangan yang sama seperti ini telah berlaku dalam tahun 30an dahulu, tetapi ketika itu Kerajaan penjajah di negara kita ini mengambil tindakan yang tegas bagi mengurangkan perbelanjaan termasuklah pemotongan gaji-gaji sebanyak 10%.

Alhamdulillah Yang Berhormat Menteri Kewangan kita masih boleh mengelakkan dari mengambil langkah yang drastic seperti itu. Sekalipun begitu, sekiranya potongan perbelanjaan hendak dibuat, saya mencadangkan supaya potongan itu dimulakan dari Perbelanjaan Pengurusan (O.C.A.R.) seperti transport and travelling, api dan air dan lain-lain yang tidak termasuk gaji-gaji.

Penggunaan alat pendingin (air-conditioned) misalnya, boleh dikurangkan dengan memasang selama 3/4 sahaja dari kelaziman iaitu kalau biasa dipasang 8 jam sehari, maka dipasanglah untuk selama 6 jam sehari. Begitulah juga perbelanjaan-perbelanjaan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan pembekuan jawatan-jawatan yang belum diisi dan langkah tidak mengadakan jawatan-jawatan baru, saya merasa bimbang bahawa langkah ini akan menimbulkan satu kesan yang buruk. Selain daripada kemungkinan

timbulnya ketidacekapan perlaksanaan projek-projek besar Kerajaan kerana kekurangan kakitangan, pembekuan jawatan-jawatan baru juga akan menyebabkan lebih buruk lagi kedudukan pengangguran dalam negara kita ini. Apa akan jadi kepada berpuluh-puluh ribu anak-anak kita yang akan meninggalkan bangku sekolah mereka pada tahun ini. Pendek kata satu social problem pasti akan timbul dan mesti dihadapi oleh Kerajaan nanti. Oleh itu saya berharap Kerajaan akan mengkaji sekali lagi di atas keputusan tidak mengadakan jawatan-jawatan baru dan pembekuan jawatan-jawatan. Kita tidak boleh mengharapkan pihak swasta untuk menampung keperluan anak-anak kita itu, kerana sebagaimana yang telah dihuraikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri di dalam ucapannya nyatalah kalangan swasta ini bukannya menambahkan perbelanjaan mereka sebanyak 4% sebagaimana yang diharapkan pada tahun 1957 tetapi telah mengurangkan perbelanjaan mereka itu sebanyak 5%.

Tuan Yang di-Pertua, hasil negara yang mungkin akan kurang dari yang dijangka jika keadaan kadar kemajuan ekonomi tidak tercapai sebagaimana yang diharapkan dan perbelanjaan yang mungkin bertambah-tambah apakala peruntukan Belanjawan bagi butir-butir perbelanjaan seperti yang diterangkan dalam perenggan 44 ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri terpaksa diadakan, maka satu kedudukan kewangan yang lebih genting akan terpaksa dihadapi oleh Kerajaan dalam tahun 1976 nanti. Ketika itu, saya harap Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil langkah yang positif sekalipun drastic.

Kerajaan patut mencari sebab-sebab kenapa kalangan swasta telah mengurangkan kegiatan-kegiatan mereka dalam tahun 1975 ini dan tidak semata-mata berpuas hati dengan mengatakan bahawa sikap kalangan swasta yang tidak memuaskan itu disebabkan terdapat keraguan mengenai ramalan ekonomi antarabangsa. Saya berkata begini ialah kerana dalam pergaulan saya dengan ahli-ahli perniagaan dan pelabur-pelabur, saya dapati mereka selalu bersungut tentang kepincangan dalam jentera perlaksanaan di akhir-akhir ini. Sekalipun mereka percaya dengan apa yang disuarakan oleh pihak Kerajaan melalui para Menteri untuk menggalakkan pelaburan dalam negeri kita ini, tetapi mereka sentiasa tersua dengan

berbagai-bagai kesusahan dan rintangan di peringkat jentera-jentera yang berkaitan. Kelambatan-kelambatan memberi layanan kepada keperluan-keperluan mereka untuk melaburkan wang mereka di sini telah menyebabkan ada di antaranya yang telah lari ke negeri lain untuk membuat pelaburan. Saya kira ini satu keadaan yang serious dan patut disiasat dan diambil tindakan dengan serta-merta oleh Kerajaan bagi memperbaiki dan membetulkan kepincangan ini supaya apa yang menjadi dasar dan hasrat Kerajaan itu akan terus tercapai. Dalam hal ini, saya mengesyorkan supaya Kerajaan menubuhkan sebuah majlis atau council yang boleh dipanggil Consultative Council yang tetap dan dianggotai bersama oleh pihak-pihak swasta bagi mengkaji dan memikirkan dari semasa ke semasa bagaimana cara-cara yang boleh dibuat untuk memberi kemudahan-kemudahan yang diperlukan oleh pelabur-pelabur itu dengan cekap. Council ini juga akan dapat menjadi saluran bagi menimbulkan rasa persefahaman antara pihak Kerajaan dengan pihak swasta, kerana saya juga mendengar hubungan yang kurang sihat telah mula timbul antara ahli-ahli perniagaan dengan setengah-tengah pihak yang tertentu yang mewakili Kerajaan. Saya pernah dengar ahli-ahli perniagaan dimarahi dengan tutur kata yang tidak manis oleh pihak yang tertentu dalam Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan yang diwakili oleh kakitangan-kakitangannya perlu mempunyai sikap seolah-olah mereka itu ialah salesmen yang hendak menjual barang kepada bakal-bakal pembeli dan bukannya bersikap seolah-olah akulah tuan yang barangnya hendak diambil oleh orang. Ini saya kira perlu kerana jika tidak, maka sia-sialah wang yang dibelanjakan untuk menghantar rombongan demi rombongan keluar negeri untuk menarik pelaburan. Sekiranya Menteri-menteri yang berkenaan sanggup melawat ke negara-negara luar seolah-olah mereka menjadi salesmen, maka sikap yang sama seperti itu mestilah dipegang dan diamalkan oleh mereka yang melaksanakannya.

Satu lagi sebab kemerosotan kegiatan kalangan swasta yang saya dapat tinjau dalam percampuran saya dengan mereka ialah mereka kurang senang dengan perkembangan-perkembangan politik serantau termasuklah terutama sekali mengenai dengan keselamatan dalam negara kita ini. Rasa bimbang dan curiga ini menyebabkan

mereka mengambil sikap "wait and see" untuk sementara waktu. Kita perlu memberitahu rakyat dari masa ke semasa tentang langkah-langkah positif yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menentang anasir-anasir penderhaka itu dan memberi balik confidence kepada mereka di atas keupayaan Kerajaan menentang anasir-anasir itu dengan menunjukkan kejayaan-kejayaan di pihak Kerajaan dalam menghadapi musuh kita itu. Perkara keselamatan ini juga menjadi buah mulut segenap lapisan penduduk-penduduk negeri ini yang cintakan cara kehidupan yang ada, kemakmuran dan keamanan yang telah dinikmati selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dalam ucapan-ucapan dan kenyataan-kenyataannya menekankan masalah ancaman penjahat komunis ini dan menyeru rakyat supaya sentiasa berwaspada dan menyokong Kerajaan dalam usaha-usahanya untuk menghapuskan penjenayah-penjenayah dan penderhaka-penderhaka negara kita ini. Maka sangatlah menyenangkan hati rakyat apakala Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan langkah-langkah untuk memperkuat dan melengkapkan angkatan bersenjata kita bagi menghadapi ancaman-ancaman pengganas-pengganas komunis itu.

Kalau pada masa dahulu Kerajaan dapat mengatakan bahawa ianya berpegang kepada falsafah dan dasar untuk memberikan makanan kepada rakyat dan bukannya peluru, pakaian dan bukannya uniform; rumah-rumah dan bukannya berek-berek askar, tetapi pada masa ini falsafah yang sedemikian itu tidak dapat diteruskan lagi. Kita mesti mengadakan senjata-senjata moden yang lebih lengkap untuk angkatan bersenjata kita, kerana kiranya pada masa darurat dahulu pengganas-pengganas menggunakan senapang patah sahaja tetapi pada hari ini mereka menggunakan senapang-senapang moden dan alat-alat kelengkapan yang moden.

Sekiranya di permulaan ucapan saya ini saya menekankan tentang langkah berjimat-cermat tetapi dalam masalah mempertahankan kedaulatan bangsa dan negara, saya mengatakan bahawa sebanyak mana wang yang diperlukan bagi mempertahankan kedaulatan ini mestilah dikeluarkan oleh pihak Kerajaan sekalipun dengan memotong wang peruntukan kemajuan yang lain. Memang tidak dapat dinafikan bahawa perbelanjaan beribu

juta ringgit yang dikeluarkan untuk mengadakan kemudahan-kemudahan infrastruktur merupakan satu perbelanjaan yang boleh memperteguh dan memperkuat kedudukan ekonomi negara kita ini, tetapi apalah gunanya kemudahan-kemudahan ini sekiranya barang dijauhkan Allah negara kita ini ditimpa nasib yang sama dengan beberapa buah negara lain yang berjiran dengan kita semata-mata dengan sebab kelalaian kita dalam segi pertahanan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedar bahawa perjuangan komunis di negara kita ini juga merupakan satu bahagian daripada perjuangan komunis antarabangsa dan dengan kerana itu, tentulah mereka mempunyai hubungan-hubungan bagi mendapatkan bantuan-bantuan moral dan material daripada negara-negara lain yang mempunyai fahaman yang sama.

Dengan sebab itulah maka rakyat di negara kita ini merasa gembira apakala Kerajaan kita berjaya membuat perhubungan-perhubungan diplomatik dengan negara-negara yang tersebut. Semenjak kita mencapai kemerdekaan, negara kita sentiasa berpegang kepada dasar luar negerinya yang bebas dalam apa juga masalah antarabangsa. Oleh itu, apakala Kerajaan kita dengan beberapa buah negara-negara yang bersefahaman dengan kita di rantau ini berjaya mencapai persetujuan untuk mengisytiharkan rantau ini sebagai kawasan aman, bebas dan berkecuali, maka bertambah-tambahlah rasa keyakinan yang telah timbul dalam hati rakyat negara ini bahawa negara kita tidak akan diganggu oleh mana-mana pihak jua pun. Tetapi sayangnya dasar luar negara kita yang bebas itu dan hubungan baik negara kita dengan negara-negara yang baru menjadi sahabat kita itu nampaknya tidak menghasilkan sebarang kesan yang baik terhadap keamanan di dalam negara kita ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, pengganas-pengganas komunis bukannya mengurangkan atau memberhentikan langkah dan tindakan-tindakan kejam mereka yang bertujuan hendak memerintah negara kita ini, tetapi sebaliknya mereka mendapat satu peransang dari sikap kita berbaik-baik dengan negara-negara yang tersebut itu. Dasar luar negara kita yang bertujuan untuk berbaik-baik dengan semua negara-negara di atas muka bumi ini mungkin juga ditafsirkan oleh pengganas-pengganas komunis itu sebagai

satu kelemahan di pihak Kerajaan. Kita tentulah tahu dan sedar dari manakah bantuan-bantuan moral dan material dan kelengkapan-kelengkapan yang telah diperolehi oleh pengganas-pengganas kominis itu dan tentu kita merasa dukacita bahawa sekalipun kita telah menghulurkan tangan kepada negara-negara yang tersebut ada di antaranya yang masih membela penderhaka-penderhaka itu, kerana mereka mempunyai fahaman yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan dan negara kita masih berpegang kepada pendirian menentang fahaman komunisma dan dengan sebab itu kominis yang sedang berjuang di negara kita ini dengan tujuan hendak merampas kekuasaan, kita sifatkan sebagai pengganas. Sebaliknya, kita mesti ingat bahawa pada kaca mata negara-negara yang mempunyai fahaman yang sama dengan pengganas-pengganas itu, mereka dipandang sebagai pejuang-pejuang atau hero yang sanggup berkorban nyawa mereka untuk memperkembangkan fahaman komunis di negara kita ini. Dengan adanya hal yang seperti ini saya percaya keadaan kedudukan kita menjadi serba salah. Dengan berterang-terang sahabat-sahabat baru kita tentulah mengatakan mereka tidak campur hal dalam negeri kita ini, tetapi politik tetap politik, fahaman tetap fahaman.

Tuan Yang di-Pertua, kita cuba dan telahpun berjaya menunjukkan bukti kebebasan dasar luar negara kita ini. Kita telah amalkan falsafah kita untuk hidup berbaik-baik dengan jiran-jiran tetangga dan kesemua negara dalam dunia ini, tetapi sementara kita mungkin telah beruntung dalam bidang perniagaan, kita tidak dapat mengatakan yang kita beruntung dalam bidang keselamatan. Kita tidak dapat mengatakan bahawa keselamatan kita iaitu satu syarat utama untuk kita mencapai kemajuan dalam bidang ekonomi telah dan akan terjamin. Dengan terjalinnya hubungan diplomatik dengan sahabat-sahabat baru kita dan mereka telahpun berada di negara kita pada hari ini, saya percaya Kerajaan dapat menggunakan kebijaksanaannya untuk menggunakan kesempatan ini bagi faedah keselamatan negara kita dan bukan di sebaliknya. Saya percaya sahabat-sahabat baru kita itu juga hendak menunjukkan keikhlasan mereka terhadap kita dan keikhlasan itu bukan setakat kata-kata sahaja dan bukan terhad dalam bidang perdagangan semata-mata. Kiranya maksud ini tidak tercapai saya kira

patutlah Kerajaan kita memikirkan balik dan mengkaji balik dasar luar negara kita ini. Negara-negara lain dapat kita dengar pernah membuat perubahan dari semasa ke semasa dalam dasar luar negara mereka untuk bersesuaian dengan kepentingan dalam negara dan rakyat mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat ada masa dua minit sahaja lagi.

Datuk Nik Hassan bin Abdul Rahman: Kita telah lama menerima konsep bahawa fahaman komunisma ini bertentangan sama-sekali dengan ajaran agama Islam yang maha suci. Dalam soal ini sukalah saya menimbulkan ucapan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat dari Seremban yang menyatakan bahawa Islam tidak dapat menjamin bahawa seseorang Islam itu tidak akan terpengaruh dengan komunis. Saya harap Ahli Yang Berhormat itu faham benar-benar bahawa apa yang diperkatakan oleh kita selama ini ialah ajaran Islam itu bertentangan samasekali dengan ajaran komunisma dan jika seseorang Islam itu benar-benar berpegang kepada ajaran Islam, maka ianya tidak sekali-kali dapat menjadi seorang yang berpegang kepada fahaman komunis. Inilah perbezaan yang patut difahami oleh Ahli Yang Berhormat itu supaya tidak ianya terkeliru dengan apa perbezaan di antara orang dengan ajaran agama. Sekalipun kita berpegang kepada konsep fahaman komunisma ini bertentangan dengan agama, kempen secara besar-besaran untuk menentang komunisma ini melalui agama dengan cara yang menyeluruh belum lagi pernah kita lancarkan. Pada waktu ini kita mempunyai satu bahagian di dalam Kerajaan kita yang dinamakan Yayasan Dakwah yang saya kira dapat digunakan sebagai satu alat yang berkesan untuk memelihara dan mencegah umat Islam daripada terpesong dengan fahaman-fahaman komunis.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

4.57 ptg.

Tuan Au How Cheong (Telok Anson): Tuan Yang di-Pertua, saya berasa bangga kerana dapat peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan atas usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping berucap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin berucap dalam bahasa Inggeris juga.

Tuan Yang di-Pertua, ketika kebanyakan rakyat masih menilai dan menghitung implikasi-implikasi cukai-cukai baru, saya berpendapat Ucapan Belanjawan pada amnya merupakan sesuatu yang menasabah.

(Dengan izin) The Honourable Minister of Finance exercised great caution in preparing his Speech but one cannot help but detect a trace of optimism in the Budget. We are encouraged to read that the worse of the recession is over and that our economy is beginning to register some signs of improvement. Such indications augur well for the future. They will remove, perhaps slowly, the economic gloom that hovers over us and give us hope. We all very much hope that our economic trouble will soon be over and better days are just around the corner. Perhaps, as from now onwards, we can start afresh with our development programme with new vigour and energy. Indeed, develop we must, for without development, what we possess will soon wither away and no new life will be brought into the world. A stagnant economy is as good as a dead one.

Tuan Yang di-Pertua, the Honourable Minister of Finance informed the House that our economy for the past year could have been worse, had it not been for the various steps that had been taken by the Government to counter recession. Apart from the austerity drive and the monetary ease, the Government had actually stepped up expenditure to boost economic growth. The development expenditure, in fact, exceeded the 1975 Budget Estimates by about \$235 million. This is indeed a wise move: it shows that although our economic situation is severely affected by recession as the rest of the world, the Government has not lost sight of its overall objectives, i.e., to restructure society and to eliminate poverty by increasing the income of the rural people and by modernising its rural areas.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya, kebanyakan pembangunan hanya tertumpu dalam beberapa kawasan sahaja dan tidak begitu berselerak dan seimbang. Ini telah dibuktikan bahawa banyak kawasan luar bandar, khasnya di Telok Anson, masih belum dapat kemudahan-kemudahan asas, meskipun kemudahan ini telah dinanti-nantikan selama 10 tahun atau lebih.

Saya harap, Tuan Yang di-Pertua, mengizinkan saya menarik perhatian Dewan ini tentang suatu atau dua kawasan di Telok Anson yang menghadapi masalah ini.

Bekalan letrik telah dibekalkan kepada penduduk-penduduk di kawasan Batu 8 dan Batu 10, Jalan Bagan Datuk, tetapi malangnya kawasan di Batu 7 dan 9 telah ditinggalkan, sungguhpun jaminan untuk kemudahan ini telah diberi dari semasa ke semasa sejak 8 tahun dahulu, akan tetapi sehingga hari ini jaminan itu masih belum lagi ditunaikan.

Kampung Air Itam merupakan sebuah kampung yang didiami seratus peratus bumiputra. Kampung ini dikelilingi oleh 4 buah kampung China, iaitu Chui Chak, Pelawan, Batu 12 dan Langkap. Kampung Air Itam merupakan kampung tunggal di kawasan ini yang tidak mendapat bekalan letrik, meskipun permohonan telah dibuat 10 tahun dahulu. Di sini penduduk-penduduk berasa bahawa Kerajaan memberi bantuan kepada orang-orang yang berketurunan China dan membiarkan penduduk-penduduk bumiputra.

Kampung-kampung seperti Kampung Sungai Ipil, Sungai Kerawai, Kampung Selaba dan lain-lain juga menghadapi kesulitan yang sama. Selagi masalah ini tidak diselesaikan, maka perasaan ketidak-puashati mereka akan berlanjutan.

Tuan Yang di-Pertua, no one should doubt the sincerity and the good intention of our Government in assisting the people in every possible way. The Honourable Minister said that in implementing our national objectives, emphasis should increasingly be on the proper identification, preparation and efficient implementation of sound projects and programmes that will directly benefit the lower income groups, particularly those living in the rural areas. But these words have little meaning to our people if simple but badly needed facilities such as those mentioned above cannot be provided even after a very long period.

Tuan Yang di-Pertua, the vast majority of our people are backing the Government not just to weather the storm of recession, inflation or stagflation. They have also demonstrated, election after election, their support for the Government and its policies. The length of time they have waited for these facilities demonstrates in uncertain terms the tremendous amount of patience and tolerance

they have towards the Government. Let us not exhaust this enormous reservoir of goodwill and understanding of our people. Let us take note of their plea and give them their basic need and a better life without further delay.

After touching on some local problems, Tuan Yang di-Pertua, I would like to comment on some of the new tax proposals.

The Honourable Minister of Finance had informed the House that a current deficit of \$82 million and an overall deficit of \$2,065 million are anticipated for 1976. In the opinion of the Honourable Member for Tanjong, and I concur with him, the deficit could be much less, as the expected revenue from some of the customs duties could be on the conservative side. To mention the rubber export duty and surcharge alone, this source of revenue could have been under-estimated, as the demand for this commodity is expected to increase considerably. Only a few weeks ago, the Chairman of the Rubber Licensing Board forecast in the Press that the demand for rubber would exceed supply, at least for the next year or two. The price of rubber already stands at 140 cents or 142 cents per kilo; this price will almost certainly turn upward, giving rise to higher revenue, thus reducing the deficit.

As a simple exercise in arithmetic, one can calculate that, basing on the export figure of rubber at 1.5 million tons, an increase of one cent in the rubber price would fetch an additional amount of \$33.6 million in export earning. If the rubber price goes up by 10 cents, there would be an additional revenue of roughly \$29 million.

Tuan Yang di-Pertua, the objective of the tax policy, among other things, is to achieve a more equitable redistribution of income. However, the rubber smallholders produce roughly 46% of the total production of rubber, which means that 46% of the rubber duty is contributed by them. The smallholders have been identified on page 99 in the Economic Report, as amongst the poorest in our country. Since so much revenue comes from them, I suggest that the Government should provide more direct benefit to the smallholders in return. I would also suggest that the duty structure of this commodity be reviewed or modified, so that the small men can reap better benefits from their efforts.

Tuan Yang di-Pertua, in restructuring the estate duty, the Government has considered that the value of property has increased and would therefore assess no duty on property whose value does not exceed \$50,000. It is a fact that not only the value of property has increased, but the cost of living has also gone up. The Government should, therefore, recognise that the personal relief of \$2,000 for the taxpayer, \$1,000 for his spouse, and various other denominations for his children are outdated and no longer realistic. I, therefore, propose that in addition to the existing relief, a total aggregate of a further sum of \$1,500 be allowed for personal relief. This will go a long way to lessen the burden of the lower income group in facing the present hardship.

I also note that additional import duties on musical instruments, gramophones, dictating machines, etc. have been imposed. Tuan Yang di-Pertua, I think musical instruments should be spared from additional tax, as the mastering of any musical instruments would enrich the life of a person and thus our culture. Like books and school utensils, musical instruments help to develop the mind and soul of our people, and our Government should encourage cultural activities. The tax on such instruments should not be increased.

Dengan lain perkataan, saya fikir hawa dingin hendaklah dimasukkan di bawah alat-alat elektrik untuk duti yang lebih tinggi. Kipas angin juga perlu, tetapi alat hawa dingin hendaklah dipertimbangkan sebagai luxury item. Lagi pun, alat hawa dingin menggunakan banyak tenaga elektrik; dalam keadaan orang ramai diseru supaya menjimatkan tenaga elektrik, kepada pengguna alat hawa dingin hendaklah membayar lebih.

Tuan Yang di-Pertua, the increase of import duties on fresh and dried fruits seems to be excessive. While it is correct to discourage our people from consuming foreign products, one must bear in mind that our fruits are, generally speaking, seasonal, easily perishable, and certain fruits are somewhat localised. Such substantial increase in tax would definitely discourage import. Excessively high taxation on very popular and commonly needed commodities also has the side effect of encouraging smuggling. I am sure that the Honourable Minister had been advised about the reduced volume in import of this item to arrive at \$16.7 million in revenue.

There is another side effect with the increase in prices of imported fruits and that is, the prices of local fruits will also increase. I therefore hope that the Honourable Minister could see his way to readjust this import duty from time to time if the local fruits become excessively expensive so that from time to time they can face competition from imported fruits at a competitive level. I also hope that the Honourable Minister will consider giving duty exemption to oranges during the forthcoming festive season as it had been done or granted in the past.

In view of the new tax measure that has been introduced on dried and fresh fruits, I would also suggest to our Minister of Agriculture to take appropriate and immediate steps to encourage the growing of more local fruits. Subsidies in the form of seedling and fertilizers, should be offered to the people. Advice on proper technique in planting should also be given. We should also embark on a programme of research to find out the types of foreign fruits that can be grown locally in large scale. It is worthwhile to consider the setting up of the fruit planting or replanting scheme similar to that of rubber.

Tuan Yang di-Pertua, the Honourable Minister also touched on the question of National Unity in his Budget Speech. His observation that our people are still divided along racial lines in our outlook, attitude and action is all too true. It is painfully true. However, we must not stop at recognising the truth only, but must take positive steps to rectify the situation. In this connection, Parti Gerakan had resolved to sponsor an Institute for National Integration to study this subject in depth. The Gerakan is determined to pursue the path towards Malaysian Unity and to forge ahead in the struggle for a just and equitable society. Let our leaders therefore light the way by de-emphasizing our racial identity and promote national identity all the way.

Our people cannot forever live in separate compartments. If people of this generation cannot live as one people, all the more reason that we must lay the foundation for our next or future generations to live as true Malaysians. Thank you very much.

5.15 ptg.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga turut mengucapkan setinggi-tinggi

tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan atas Ucapan Belanjawan beliau serta juga atas rancangan yang dikemukakan oleh beliau berkenaan dengan Belanjawan ini yang sudah disambut dengan baiknya oleh seluruh negara kita oleh sebab Belanjawan ini merupakan suatu usaha, mahupun pada masa ini disifatkan sebagai usaha permulaan untuk menggunakan Belanjawan sebagai satu alat untuk memperimbangkan keadaan yang terdapat tidak seimbang antara yang berada dengan yang tidak berada. Memang Belanjawan dapat digunakan untuk tujuan yang sangat baik ini dan saya harap pada tahun yang akan datang kita akan dapat menyaksikan langkah-langkah lanjutan yang akan bertambah-tambah progresif yang boleh membawakan kepada satu masyarakat yang benar-benar adil dari segi kemasyarakatan.

Oleh sebab masa terhad 20 minit sahaja untuk Ahli bercakap, saya akan menengkuhkan butir-butir yang dapat dibangkitkan di peringkat Jawatankuasa berkenaan dengan perkara-perkara halus tetapi menumpukan perhatian kepada dasar-dasar kasar. Sungguhpun begitu, saya tidak dapat mengelak dari menyuarakan rasa dukacita sedikit berkenaan dengan langkah yang telah diambil untuk menghilangkan dan melenyapkan keadaan istimewa Pulau Pinang yang selama ini telah mempunyai kedudukan istimewa sebagai free port status. Saya sedar dan insaf akan sebab-sebab yang Kerajaan dan Yang Berhormat Menteri Kewangan terpaksa memasukkan Pulau Pinang ke dalam kawasan Kastam dan menghilangkan pengecualian ataupun keistimewaan yang ada dahulu. Saya sedar kalau tidak dibuat demikian barangkali susah sedikit hendak menyekat penyeludupan kerana antara Pulau Pinang dengan Seberang Perai itu lautnya sangat sempit dan siang-malam akan terdapat penyeludupan barang-barang kalau kita terus mengadakan keadaan yang berbeza-beza antara Seberang Perai dengan Pulau Pinang. Saya harap Kerajaan Pusat selepas melakukan perbuatan ini akan bertimbang rasa dan akan menimbangkan barangkali pemberian wang ataupun sumbangan kewangan istimewa kepada Kerajaan Pulau Pinang supaya dapat Kerajaan Pulau Pinang menggunakan bantuan tambahan ini untuk mengatasi sebarang kesan yang berturut daripada langkah Kerajaan melenyapkan keadaan free port status Pulau Pinang ini.

Pada saat ini kita tidak dapat tidak tertarik kepada kejadian-kejadian yang telah berbangkit dalam masa dua tiga hari dahulu pembunuhan telah berlaku di Ipoh di mana Ketua Polis Negeri Perak telah dibunuh bersama-sama dengan pemandu keretanya. Kejadian ini cuma satu lagi isyarat atau signal yang terang dan nyata bahawa pihak gerombolan kominis dalam negeri kita sudah melancar dan melaksanakan rancangan mereka untuk merampas kuasa secara kekerasan dan bersenjata menunjukkan kuku besi mereka. Pendeknya, mereka telah kemukakan satu cabaran kepada kita semua dan saya rasa sangatlah penting kita menumpukan segala perhatian, segala usaha kita untuk mengatasi keadaan yang ditimbulkan oleh kominis ini. Pihak kominis sendiri sadar bahawa bagaimana diajar oleh imam dan padri agong mereka iaitu kominis tidak bisa, tidak boleh hidup di mana-mana melainkan mereka mendapatkan sokongan dan bantuan daripada rakyat jelata, diibaratkan kominis-kominis itu seperti ikan yang memerlukan air. Kalau ikan itu tidak mempunyai air maka matilah ikan itu tidak dapat hidup. Jadi kalau sekiranya kominis dapat hidup dalam masyarakat kita bererti kominis ini percaya bahawa mereka mempunyai masyarakat dari kalangan manusia dan rakyat jelata di sekeliling mereka yang sanggup memberi perlindungan, bantuan dan pertolongan kepada mereka supaya bukan sahaja mereka dapat hidup akan tetapi dapat bergerak. Oleh itu, tidak dapat tidak, kita insaf dan sadar bahawa kita semua tanpa mengira parti, tidak mengira samada pihak Kerajaan atau pihak Pembangkang mesti menyatukan usaha kita untuk mencari jalan bagaimana kita dapat mengambil hati semua rakyat jelata supaya mereka itu tidak tertarik sama sekali kepada pihak kominis ini.

Saya tertarik kepada lapuran yang terdapat dalam suratkhbar *Utusan Melayu* hari ini (18-11-75) yang mana gambar saya tersiar, tajuknya: Rukunegara Berbau Politik—Sopiee. Saya bukan menyoal dan seterusnya Yang Berhormat Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri menjawab. Saya telah terselit percakapan yang menuduh bahawa Rukunegara ini berbau politik. Saya sangat kesal atas kejadian itu, barangkali itu dibuat bukan dengan sengaja, tetapi menunjukkan kurang kemahiran oleh pemberita akhbar ataupun wartawan kita, kurang mutu suratkhbar kita, tetapi elok saya memperbetulkan. Perkara yang saya bangkitkan pada hari semalam ialah satu pertanyaan yang cuba

hendak menegaskan bahawa dalam usaha seperti Rukunegara itu tidak patut kita membuat sebarang perbuatan, ataupun menimbulkan sebarang perkara yang boleh menjadikan satu perkara partisan, satu perkara yang menjadi pertikaian antara parti, perselisihan antara parti ataupun cabar-mencabar antara parti.

Saya dengan tegas menyatakan kurang senang, kalau sekiranya sesiapa mencabar pihak Pembangkang kononnya tidak menyertai dan sebagainya; itu olok-olok, main-main boleh, tetapi saya ingat ini bukan masa main-main lagi, sepatutnya kita berusaha dalam kerja ini mendapatkan pihak Pembangkang itu sama-sama dengan kita 100%. Jangan gunakan ini permainan untuk menjatuhkan, untuk mendapatkan undi, bukan masa mengundi lagi. Yang perlu ialah kalau kita dikehendaki keterangan, beri keterangan. Saya sendiri sebagai anggota Barisan Nasional, sebagai Barisan Nasional yang menyokong Kerajaan masih belum terang, belum dapat keterangan yang sempurna lagi dari pihak-pihak yang patut memberi keterangan kepada kami berkenaan usaha ini dan sekiranya pihak Pembangkang berasa ragu-ragu, barangkali mereka tidak salah, barangkali perasaan mereka juga sama dengan perasaan kami sendiri iaitu mahu bekerjasama. Saya rasa perasaan ini untuk menentang kominis yang telah mengancam keselamatan negara kita, patut kita tutup Barisan—close ranks. Saya percaya mahu pun kepercayaan mereka di pihak Pembangkang sana tidak sama dengan kita, barangkali kita bertentangan, kita lawan bertanding kerusi dan sebagainya. Akan tetapi saya percaya, kita semua di dalam Dewan ini, kita tidak kira parti yang mendukung Kerajaan secara berparlimen, kita dukung prinsip-prinsip demokrasi. Inilah akan mengikatkan kita di bawah perasaan cinta kepada tanah-air—patriotism, saya rasa barangkali perasaan kita tidak sama, fikiran kita tidak sama, jalan kita tidak sama, akan tetapi saya tidak sekali-kali menyoalkan kedudukan sikap Ahli Pembangkang tentang patriotism-nya, tentang dedikasinya kepada bangsa, tentang kasih sayangnya kepada bangsa. Sebab itu, saya menyeru semua lapangan di dalam negeri ini, semua parti yang menyokong Kerajaan berparlimen yang menyokong demokrasi; mari kita semua bersatu-padu bersama-sama mencari punca-punca apakah yang boleh mengasingkan orang kita sehingga mereka sanggup hendak keluar

daripada masyarakat kita, pergi menyokong kominis, ini penting. Barangkali sudah tiba masanya kita bentukkan usaha secara national yang mengikatkan semua parti yang sanggup diikat untuk mengadakan satu Barisan "United Front" bagi menentang kominis. Saya percaya, kalau kita buat semacam itu, kominis tidak akan hidup, tidak akan berjaya, rakyat akan menyokong kita, kita akan menang dan kita dapat mempertahankan cara hidup yang kita mahu kekalkan menurut pemerintahan demokrasi ini.

Saya rasa di dalam perjuangan untuk menawan hati dan fikiran rakyat jelata, kita mesti menumpukan usaha kita kepada menarik semua rakyat di dalam negeri ini tanpa mengira golongan, tanpa mengira peringkat dan taraf, tidak mengira ugama dan bangsa. Semua rakyat di dalam negeri ini supaya mereka itu merasa bahawa inilah tanah tumpah darahnya, inilah negerinya, inilah tempat tumpuan kasih sayangnya. Inilah tempat di mana patriotismnya masih tertumpu, dia mesti jangan rasa ketinggalan, jangan dia rasa terusir, jangan dia rasa ada layanan yang tidak saksama. Sekiranya ada perasaan yang semacam itu, kita mesti menyiasat, boleh jadi anggapan itu salah. Kalau anggapan itu salah, ini d'a: ada jentera penerangan, ada radio, ada televisyen, ada surat khabar. Beri penerangan supaya rasa di dalam hatinya yang tidak puas itu dapat d'atasi. Boleh jadi kita sendiri melakukan sesuatu yang menyentuh perasaan kepada orang yang tidak puas hati. Ini tidak adil, ini tidak betul. Kalau anggapan ini salah, betulkan. Tetapi jikalau anggapan ini betul, barangkali demi kepentingan, keutuhan, perpaduan nasional kita patut kita cari jalan untuk membetulkan apa yang tidak betul. Itu sahaja syarat yang boleh menyatukan kita supaya menjadi satu bangsa yang tunggal, kukuh dan kuat.

Saya suka menarik perhatian kepada satu keadaan. Ada orang mengatakan bahawa penduduk-penduduk Kampung-kampung Baru (New Villages) barangkali tertarik kepada kominis. Mungkin itu betul. Kalau betul, apakah sebabnya. Saya tahu, pada masa General Templer memerintah dahulu, bila 500,000 manusia dipindahkan ke New Village, perjanjian telah diberi oleh Pemerintah Inggeris di waktu itu, iaitu orang-orang yang dipindahkan itu apabila suasana pulih semula, mereka akan diberi layanan yang saksama. Mereka akan diberi milik

tanah tapak rumah dan juga tanah untuk bekerja. Kita patut siasat sekarang setakat manakah perjanjian ini telah dilaksanakan. Kalau belum dilaksanakan, apakah sebab-sebabnya dan kita patut cari jalan untuk mengatasinya. Sungguhpun perjanjian itu telah dibuat oleh Pemerintah Colonial di masa Colonial, kita telah mewarisi pemerintahan itu. Kita memerintah sekarang dan perjanjian ini mesti ditepati. Tanah itu mesti diberi sebagaimana yang dijanji.

Begitu juga orang-orang Melayu di kampung, banyak yang sudah duduk di tanah-tanah TOL, ada yang sampai 20-30 tahun sehingga hari ini belum lagi dapat hakmilik pada tanah itu. Saya ingat di samping memberi tanah kepada penduduk-penduduk Kampung Baru, penduduk-penduduk di Kampung-kampung Lama itupun patut kita perhatikan supaya puas hati orang dan dapat orang itu bertapak, rasa dia ada hak dan habuan di atas bumi yang dia duduki itu.

Saya percaya kalau kita mencari jalan mengatasi perkara tidak puas hati yang semacam ini, mudah-mudahan dapatlah kita meringan ataupun menyurairkan orang-orang yang masih barangkali menyokong kominis itu supaya meninggalkan mereka dan balik kepada pangkuan negara untuk menyokong Kerajaan kita sepenuh-penuhnya.

Saya juga rasa, kita tidak dapat elak atau lari daripada hakikat ini. We cannot run away from facts. Faktor atau hakikat yang utama dalam masyarakat kita ialah kita ini satu negara yang terbentuk dari berbagai bangsa dan keturunan. Ada orang Melayu, ada orang China, ada orang India, ada orang Dayak, Iban, Kayan dan lain-lain lagi. Ini tidak dapat kita lari. Ini hakikat (facts).

Kedua, dalam keadaan semacam ini, tidak dapat kita lari daripada mutual respect, saling mengerti dan menghormati antara satu sama lain. Dalam usaha ini elok barangkali dan memang patut orang Melayu mempertahankan hak Melayu, orang China mempertahankan hak China, orang India mempertahankan hak India dan seterusnya. Tetapi saya fikir kita sudah sampai kepada satu saat, di mana kita patut menambah usaha bukan sahaja menjaga kepentingan masyarakat kita masing-masing, akan tetapi jikalau penganjur atau pemimpin-pemimpin orang China ambil usaha pula berkenaan dengan orang India, orang Melayu atau

lainnya dari cari jalan bagaimana kita sama-sama boleh tolong dan membantu keadaan orang Melayu dan orang India dan sebagainya dan pemimpin-pemimpin Melayu bukan sahaja berusaha untuk mempertahankan kepentingan orang Melayu akan tetapi mula pula ambil tahu berkenaan dengan keadaan, kemahuan dan segala masaalah yang dihadapi oleh orang China dan orang India. Saya fikir dengan cara ini sahaja bukan semata-mata merebut untuk kaum sendiri, akan tetapi bersama-sama bekerja untuk kebaikan semua. Ini sangat penting kalau kita hendak mengatasi perjuangan menghadapi komunis untuk mencapai kemenangan.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Saya juga rasa ada baiknya kalau kita cuba belajar bahasa orang lain. Sungguhpun tidak dapat kita nafikan bahawa bahasa Melayu sudah menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris satu bahasa perhubungan yang digunakan untuk luar negeri, barangkali kalau orang Melayu juga mula belajar bahasa China dan bahasa Tamil, orang Tamil belajar bahasa China pun berguna. Tetapi yang sangat dikehendaki, yang saya suka lihat ialah kalau dahulu orang China dengan orang China tidak pantang, tidak rasa segan, bertutur sesama sendiri dalam bahasa Inggeris, kenapa pada hari ini orang China dengan orang China mahupun di dalam Dewan yang mulia ini dapat bertutur dan dapat berhubung begitu baik di luar tidak suka, tidak mahu dan takut pula kalau dikritik kerana orang-orang China dengan orang China bercakap dalam Bahasa Kebangsaan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

5.36 ptg.

Tuan Haji Hadadak bin Haji D. Pasauk (Simunjan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut serta menyokong Belanjawan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 6hb November yang lalu.

Di samping itu, saya ingin menarik perhatian pihak-pihak yang berkenaan supaya dapat memberi perhatian yang lebih terhadap rakyat di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita maklum, bahawa Sarawak di masa penjajahan dahulu amatlah mundur tetapi syukurlah kini Sarawak setelah berada di dalam Malaysia dapat sedikit sebanyak menikmati kemajuan-kemajuan. Namun begitu, di dalam beberapa perkara pihak-pihak tertentu hendaklah mengambil perhatian yang lebih besar terhadap rakyat di Sarawak, khasnya bagi penduduk-penduduk di kawasan-kawasan pendalaman Sarawak.

Adalah diperhatikan bahawa penduduk-penduduk di luar-luar bandar ini memerlukan jalan-jalanraya kecil yang dapat menghubunginya dengan kawasan-kawasan yang lain. Jalanraya-jalanraya kecil seperti ini adalah mustahak dan perlu dibina di daerah Simunjan dan juga di daerah-daerah yang lain.

Mengenai daerah Simunjan, saya harap Kementerian Kerja Raya dapat memperuntukkan sedikit perbelanjaan bagi jalanraya yang menyambungkan Bukit Punda Simunjan sejauh 29 batu. Kalaupun Kementerian yang berkenaan tidak dapat membuat jalanraya yang indah ataupun sempurna memadailah jika dapat dibina jalanraya yang boleh dilalui basikal dan motorsikal untuk sementara waktu. Jalanraya ini amatlah perlu untuk membolehkan rakyat desa membawa hasil-hasil daripada luar bandar ke bandar-bandar.

Sepertimana yang saya katakan, bahawa kami di Sarawak di pendalaman dan di desa-desa memerlukan kemudahan-kemudahan asas.

Misalnya, dalam kawasan pilihanraya saya di Simunjan kebanyakan penduduk-penduduknya bermastautin di tepi laut, ulu-ulu sungai dan di tebing-tebing sungai. Mereka ini memerlukan bekalan air dan letrik. Bekalan air amatlah perlu benar, kerana di dalam musim kemarau panjang dua atau tiga tahun yang lalu penduduk-penduduk di kawasan saya di tepi laut terpaksa menunggu air yang diangkut daripada bandar Kuching di mana air ini dibawa melalui helikopter ataupun motor laut untuk minuman dan masakan. Oleh itu, untuk mengelakkan keadaan buruk ini, saya harap pihak yang berkenaan dapat memberikan perhatian terhadap perkara ini. Usaha-usaha hendaklah dilakukan segera supaya keadaan itu tidak berulang lagi. Untuk memenuhi tujuan ini, saya harap pihak yang berkenaan dapat menumpukan

usaha-usaha untuk mencari punca-punca air di bawah tanah, misalnya di kawasan Semenanjung. Nonok dan lain-lain tempat di seluruh Sarawak bagi membolehkan air di kawasan-kawasan perkampungan di pinggir-pinggir laut dan tebing-tebing sungai. Bekalan letrik juga amatlah perlu bagi kami di desa-desa sebagaimana orang-orang di kota.

Mengenai tanah, saya ingin menyatakan bahawa tanah seperti tanah sawah dan sebagainya itu di Sarawak adalah tanah pusaka dari datuk-nenek mereka dahulu, tanah-tanah ini telah menjadi kecil dengan bertambahnya penduduk-penduduk. Oleh itu, saya berharap pihak yang berkenaan dapat mengambil perhatian supaya rayuan untuk mendapatkan tanah Kerajaan Negeri, terutama di kawasan luar-luar bandar boleh diberikan kepada rakyat untuk mengusahakannya.

Selain daripada itu, Kerajaan patutlah membuka banyak rancangan-rancangan di Sarawak iaitu sebagaimana yang dilakukan oleh FELDA di Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam bidang perindustrian, saya harap Kementerian yang berkenaan dapat mengadakan kilang-kilang memproses kelapa kering di daerah-daerah yang banyak didapati tanaman kelapa tersebut seperti di Pendam, Sebangun di daerah Simunjan dan juga di lain-lain kawasan. Untuk memajukan pasaran yang sempurna bagi bahan-bahan ini, saya mencadangkan supaya ditubuhkan satu badan atau ejensi seperti FAMA bagi menolong dan memberi kawalan harga kelapa hasil daripada luar-luar bandar. Bahan-bahan ini bolehlah menjalankan kegiatan bagi semua hasil-hasil yang didatangkan dari luar-luar bandar.

Kegiatan MARA hendaklah diperhebatkan di Negeri Sarawak untuk menolong anak-anak bumiputra mengambil bahagian dalam apa-apa bidang sekalipun. Dalam hal ini, saya syorkan supaya Sarawak hendaklah diwakili oleh anak-anak tempatan bagi menduduki Majlis Pusat Negeri supaya masalah-masalah yang melibatkan Negeri Sarawak dapat diperhatikan dan diambil tindakan dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap supaya pihak yang berkenaan dapat mengadakan beberapa orang jurutera di Jabatan Parit dan Taliair, Sarawak, kerana setakat ini cuma ada seorang sahaja jurutera di

jabatan ini bagi seluruh Negeri Sarawak. Keadaan ini tentulah tidak munasabah jika dibandingkan dengan keadaan di Semenanjung Malaysia ini.

Dalam lapangan kesihatan, Tuan Yang di-Pertua, saya harap sebuah hospital dapat dibina di daerah Simunjan di dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua dahulu. Pihak Kerajaan telah memberitahu iaitu hospital itu akan dibina, tetapi malangnya sehingga sekarang belum ada lagi tanda-tanda yang hospital itu akan dibina. Di samping itu, saya juga berharap supaya pihak pusat kesihatan hendaklah selalu datang melawat ke daerah-daerah desa di kawasan Simunjan untuk memberi rawatan kepada mereka yang memerlukannya.

Dalam lapangan penyiaran, Tuan Yang di-Pertua, saya harap Kementerian yang berkenaan dapat membanyakkan filem-filem tempatan yang lebih bermoral iaitu tidak sebagaimana yang kita dapati sekarang ini kebanyakannya filem-filem itu datang dari Barat yang berbentuk jenayah dan tidak sopan yang merusakkan anak-anak kita yang masih mentah.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya syorkan kepada pihak Kerajaan agar pihak MARDI ataupun badan-badan yang berkenaan dapat menyelidiki buah-buahan tempatan yang dapat kita hantar keluar negeri lebih banyak lagi seperti buah mempelam ataupun buah mangga dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya, saya sekali lagi menyokong Belanjawan, 1976 sepertimana yang ada di hadapan kita sekarang ini.

5.49 ptg.

Tuan Mak Hon Kam (Tanjong Malim):

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama mengalu-alukan Anggaran Belanjawan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 6hb November, 1975.

Tuan Yang di-Pertua, di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohan izin juga bercakap dalam bahasa Inggeris. Anggaran Belanjawan yang telah dikemukakan hanya golongan petengahan dan golongan yang berpendapatan tinggi yang terlibat, tetapi hanya sedikit terlibat kepada golongan miskin. Sementara itu, Kerajaan kita telah mencuba

sedaya-upaya untuk mengseimbangkan perbezaan orang miskin dan orang yang berada, maka Anggaran Belanjawan ini sangatlah kena pada tempatnya dan harus disokong 100%.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, may I refer to a Report of 1974/1975 published by the Treasury very recently. One of the facts disclosed by the Report is that, ever since the introduction of the New Economic Policy, the gap between the "haves" and the "have-nots" has, in fact, been widened instead of narrowing down. This is something which deserves our attention. Of course, it goes without saying that poverty is a national issue and also a social problem, as had been pointed out by Yang Amat Berhormat Perdana Menteri on many an occasion that poverty transcends all racial barriers. In other words, Tuan Yang di-Pertua, there is poverty in the urban areas as well as in the rural areas. In view of this disclosure by the Treasury, it is of utmost importance that we should see to it that the implementation of all Government policies would not have the effect of widening the gap between the "haves" and the "have-nots". Similarly, the Budget should also reflect Government's determination of eliminating poverty regardless of race or creed. Tuan Yang di-Pertua, we are living in a multi-racial society, we cannot afford to see imbalances either way.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya kita tidak dapat menyalahkan Anggaran Belanjawan yang dikemukakan, tetapi cuma satu yang menyesak kita ialah potongan pendapatan perseorangan dan anak isteri tidak dapat ditinggikan.

Tuan Yang di-Pertua, the personal relief granted to an individual is at present limited at \$2,000 per annum. This has been enforced for quite a number of years. Under the present circumstances, when the cost of living is high, this personal relief of \$2,000 per annum is unrealistic. The same can also be said of the personal relief granted to the taxpayers' dependants.

Tuan Yang di-Pertua, one fails to understand why Government has taken steps to raise the value of properties for the exemption of estate duty purposes on the ground that land and buildings have gone up while, on the other hand, there is no increase in the

personal relief deductible for income tax purposes. Tuan Yang di-Pertua, I wish the Minister concerned would adjust this personal relief to make it realistic.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang, Kerajaan tidak ada potongan untuk tanggungan bagi ibubapa yang masih hidup. Oleh itu, harus dipindahkan secepat mungkin supaya meringankan tanggungan kita untuk memelihara ibubapa yang sudah tua itu.

Tuan Yang di-Pertua, it is a well-known fact that children consider it their obligation and duty to support their aged parents. This is particularly so in a country like Malaysia where the sense of value is quite different from the West. Our income tax is based on the provision of the income tax in the United Kingdom, where the taxpayers do not have to be worried about the livelihood of their aged parents. In U.K., the older folks who can no longer work can always apply for social benefits from the Government whereas Malaysians do not enjoy this benefit. It is, therefore, obvious that the income tax laws should be amended to provide for personal relief for the taxpayers' parents who cannot maintain themselves. This, I believe, will help the low income groups very much.

Tuan Yang di-Pertua, to devise ways and means to increase our revenue so as to cope with the increasing expenditure is not enough. We should also see to it that all unnecessary expenditures are cut to a minimum. It is important that the Government should seal up all the loopholes so that the Treasury would not suffer any financial losses due to ill management or other causes. For this, I refer in particular to a statement recently made by the Secretary-General of the Ministry of Agriculture and Rural Development in which he disclosed that Malaysia had lost more than \$100 million worth of padi last year due to damage and spoilage. He further added that at least \$30 million could be saved each year if half of the losses could be avoided. Tuan Yang di-Pertua, we do not know what are the actual causes by which such a serious financial loss could be incurred on the part of the Treasury, but I do feel that in the national interest, the matter is serious enough to deserve the attention of the Government so that adequate and effective measures can be taken to prevent such losses in the future.

Tuan Yang di-Pertua, I quote another example. As we have seen in the *Straits Times* yesterday, in the Education Ministry, again examination papers have been stolen. This will cause the Government expenditure in investigation and for the resetting of the papers and so on.

So, yang akhir dan yang paling mustahak, Tuan Yang di-Pertua, I wish and I urge the Government to see that all Ministries do their best to value the taxpayers' money by not only spending it wisely but also fairly without prejudices so that every citizen benefits from it. For example, Tuan Yang di-Pertua, we should allow all citizens to achieve their education. All schools institutions and universities run by the Government should be open to all.

Tuan Yang di-Pertua, finally, I would say that whatever the Budget is, the revenue comes from the citizens and they should benefit by it.

5.57 ptg.

Tuan Oh Keng Seng (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan Belanjawan Tahun 1976 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Dan di sini di samping saya berucap dalam Bahasa Malaysia, saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, semasa membentangkan Belanjawan kedua pada hari Kamis yang lepas Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mensifatkan bahawa Belanjawan bagi tahun 1976 adalah untuk menentukan bahawa Belanjawan ini akan memainkan satu peranan yang dinamik di dalam usaha menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan pembahagian pendapatan di dalam suasana kewangan yang stabil. Kenyataan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu nampaknya baik dan berkesan dalam tiori sahaja, tetapi sekiranya kita meneliti Belanjawan itu dengan mendalamnya kita akan mendapati bahawa Belanjawan bagi tahun ini adalah seperti ubat coated-chocolate dan digambarkan untuk memberi satu gambaran bahawa keadaan bagi tahun-tahun akan datang akan menjadi cerah.

Pada pendapat saya Belanjawan bagi tahun 1976 tidak boleh dan tidak akan menunaikan tujuan-tujuan dan objektif-objektif untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan

juga memelihara stabiliti kewangan di negara kita ini. Tetapi sebaliknya, Belanjawan tahun 1976 akan mengakibatkan lebih banyak masalah-masalah ekonomi dan mewujudkan satu keadaan ekonomi yang rumit dan serious. Memandangkan kemajuan Kerajaan Barisan Nasional kita tidak akan dapat melihat pelita di hujung sana.

Belanjawan, 1976 adalah amat tidak realistik dan tidak seimbang yang dibentangkan di dalam Dewan ini.

(*Dengan izin*) Sir, for the first time in the history of Malaysia, the people are facing such a huge Budget deficit. The revenue for 1976 Budget is estimated at \$5,100 million which is about 6% more than the revised estimates of the 1975 figure. But on the other hand, the Ordinary Expenditure is estimated at \$5,340 million which is 16% over the 1975 Original Estimates, or 7% increase over last year's revised Estimates; and the development expenditure for 1976, though tentative, is estimated at \$1,982 million. Together, these two expenditures amount to \$7,323 million. Therefore, the overall deficit would be around \$2,175 million—a record Budget deficit ever achieved. But this is not all, let us look at page 15 of the Minister's speech. On page 15 of his speech, the Minister of Finance has said, and I quote:

"I like to emphasise, however, that this estimated deficit does not include any budgetary provision for the following:

1. Additional expenditures over and above the 1976 Budget estimates, for Security and Defence, that will arise during the year;
2. No provision is made in the 1976 Budget for the 13th month bonus payments;
3. Subsidies amounting to about \$183 million, including \$88 million for the rice subsidy, and \$50 million for the urea subsidy, have been omitted from the 1976 Budget;
4. No new posts have been approved in the 1976 Budget;
5. No provision has been made for the implementation of the Ibrahim Ali Salaries Commission Report; and

6. The 1976 Budget does not take into account any other policy decisions which have financial commitments, which are not now included in the 1976 Budget."

In other words, Sir, if the above 6 items were taken into consideration, which I think the Treasury has deliberately chosen to omit, then overall deficit, according to my humble estimation, would be easily in the region of \$3,000 million.

In 1975, the Barisan Government borrowed from external sources, namely World Bank, Asian Development Bank, Japanese Yen Credit, Germany and Sweden loans, and Saudi Arabia and Kuwait loans amounting to \$1,110 million, representing an increase of 214% over 1974. This huge external borrowing has reached an alarming state and indeed has become a grave concern to all Malaysians. The huge increase of foreign borrowing in 1975, according to the Treasury Report, "was necessitated by the need to finance a larger deficit."

Sir, in 1976, gross foreign borrowing is estimated at \$1,085 million or may even be more if we were to take into consideration the overall deficit which I have estimated to be in the region of \$3,000 million. It is a pity and a sorry state of affairs that Malaysia, being so rich in natural resources, is yet so broke in her coffers! Year in and year out, we see Ministers going round the world negotiating or begging, to be exact, for loans from international Godfathers.

I would urge the Government to seriously consider and look into the preparation and implementation aspects of all projects which are financed by external borrowing to ensure that the money does not go into the drain, to ensure that "Mr Ten Per Cent" does not get a hand into it, to ensure that projects are not delayed, and will achieve results, and to ensure that the projects as a whole will benefit the people irrespective of race.

The Minister has announced several tax changes for 1976 ranging from the Real Property Gains Tax to Surtax, and these measures are expected to generate about \$108 million of additional revenue. And I only wish to comment on one or two aspects of these tax proposals.

Sir, the introduction of the Real Property Gains Tax, is intended to extend the scope of the tax structure in the Land Speculation Tax Act and to cover also gains derived from any disposal of land and building irrespective of the length of the holding period of the property. In other words, it means that any gain from the sale of a property exceeding the value of \$50,000 will be subject to tax.

It would, therefore, appear that the introduction of this new tax and the subsequent abolition of the Land Speculation Tax, are not so much as to discourage real property speculative activities, but more to aim at generating additional revenue to finance the deficit which runs into \$3,000 million.

Sir, the exemption limit of \$50,000 is considered too low by many of my constituents in Petaling Jaya. You will agree that the property in Petaling Jaya fetches very high prices nowadays.

A link house bought for \$30,000 a few years ago is now being transacted for over \$60,000 and with the passage of this new tax, many house owners will be directly affected and taxed if they are to dispose of their property. Therefore, a more progressive tax measure will be to uplift the tax ceiling to \$100,000 instead of the proposed \$50,000, and I hope the Minister concerned will consider this proposal of mine.

The other aspect that causes anxiety over the new tax proposal is regarding the determination of the value of the property, and what is the basis of such valuation. While I wish to commend the Minister for providing exemption from the tax on the gains made from disposal of one's private residence, I wish to call on the Minister to seriously consider relaxing the length of the holding period, that is to say, property sold after a certain holding period of, say, 10 years should be exempted from tax.

There is also fear in the share and stock market circles that this new tax may be extended later on to cover gains made from sale of shares.

Sir, the 50% or 20 cents per pound increase on fresh fruits such as oranges, apple, grapes and so on, is most unreasonable from the consumers' point of view, and since the introduction of this Budget, and these new taxes, there are many and strong criticisms against

this new tax by members of the public and especially by housewives. Imported fruits have now become a luxurious item and only the rich and the Ministers can afford them. The poor, the sick, the children and ordinary working class will not be able to smell it, let alone taste it. An apple is now sold for 70 cents, depending on its size.

Local fruits are not cheap either. The retail price of a kati of bananas is now 45 cents compared to 20 cents formerly and a kati of *langsats* is now selling at 80 to 90 cents which could be obtained for 30 to 40 cents previously.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Is it the sweet *langsats* or the sour one? (*Ketawa*).

Tuan Oh Keng Seng: Both, I think.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: It is all right. Proceed.

Tuan Oh Keng Seng: And mind you, Sir, durians are the most expensive fruits nowadays. I am not against the consumers eating more local fruits, but then I feel that we should strike a balance between the imported and the local fruits for the benefit of both the local farmers and the consumers.

Sir, another important aspect of the Budget is the total abolishment of the free port status of Penang by introducing and extending all import changes to Penang Island. This is undoubtedly a severe blow to the people of Penang and from now on the last straw that the people of Penang enjoy as a limited free port status is forever gone with the wind. This is treachery and total betrayal by the Gerakan State Government of Penang.

During the 1974 general election the Gerakan had promised the people that they would defend the free port status of Penang at all costs and the Member for Tanjong himself had, on several occasions in this House, given assurances to the people of Penang Island that the free port status would be maintained, but today these promises have proved by themselves that they are not worth two cents.

Sir, it is utterly shameful for the Honourable Member for Tanjong to come to this House to plead for deferment by three months. The best course for him to do will

be to resign. I challenge the Member for Tanjong to immediately resign from his M.P.'s seat and contest the bye-election.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: What relevance has that with the Government's policy?

Tuan Oh Keng Seng: Because he has spoken so much about the free port status.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Proceed. (*Ketawa*).

Tuan Oh Keng Seng: And let the people of Penang Island decide whether they want to keep the free port status or not.

Mr Speaker, Sir, while we appreciate that the Government is making an effort under the Second Malaysia Plan to eliminate poverty and to restructure society, to uplift the living standards of the people, especially those living in the rural areas, we, in the D.A.P. are deeply concerned about the fate of the 2 million people who live in the 465 new villages throughout the length and breadth of the country.

For the past 20 years these people were neglected by the Ruling Party economically and socially. The rates of unemployment among the youths in the New Villages are extremely high and on the other hand their income and productivity are extremely low. We in the D.A.P. have, on countless occasions, both inside and outside this House, repeatedly called on the Government to seriously look into this predicament of the New Villages in the country and to draw up a Master Plan in order to solve this massive problem but the Government has chosen to ignore it. Although a Ministry of New Villages was subsequently formed, it is regrettable to say such formation has not brought any benefits to the New Villages. There is simply no headway made in respect of the economic and social development in the New Villages. Millions and millions of dollars were spent each year for development but how much has been channelled to the Ministry of New Villages? New Villages today remain static. Many are still without basic facilities such as water and electricity.

In 1975, a sum of \$3 million was allocated to New Villages but in 1976 the allocation

has been drastically reduced to \$1.09 million. Why? An explanation is called for. If this is not discrimination, then what is?

I would therefore, urge the Government to consider the following long-term proposals which will uplift the living standards of the New Villages:

- (1) to introduce the commune system in the New Villages for collective farming in order to increase food production and create self-employment and to achieve the objective of a self-reliant society, which is the theme of the nation this year;
- (2) to restore all Local Council Elections in the country and let the people elect their own Councillors to run their own affairs. The present system of nominating Councillors is most undesirable and gives rise to corruption, nepotism, conflicts and discontent; and
- (3) to seriously and honestly give top priority of development to the New Villages, under the Third Malaysia Plan. Allocation of funds should not be a mere \$1 million a year but should be in the region of \$100 million.

In conclusion, Sir, I wish to touch on the problem of national unity. The Minister of Finance in his speech said that we still have not achieved national unity; we are still divided along racial lines in our outlook, attitude and action. This is an honest admission by the Minister and I fully agree with him that after 19 years of independence the people of Malaysia are still divided along racial lines in our outlook, attitude and action. The Malays today are more Malay in outlook, so are the Chinese and the Indians. This is a tragedy, but who is to be blamed? Can you blame the communists? Can you blame the revolutionary forces, or, for that matter, can you blame the people? If you are looking for an answer, then I say the answer is with the Barisan Government because it is the action and policy of the Barisan that have contributed to our present state of affairs. Under Barisan rule everything is run on racial lines. I therefore seriously urge the Ruling Party to stop this "divide and rule" policy and instead seriously work towards a true, genuine and united nation. Terima kasih.

6.16 *ptg.*

Tuan Sanusi bin Junid (Jerai): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Anggaran Belanjaan kerana ianya menasabah dan bertimbang rasa. Saya tertarik kepada bahagian Ucapan Belanjaan Yang Berhormat Menteri Kewangan di mana Yang Berhormat Menteri Kewangan menyebut bahawa usaha untuk menyatu-padukan rakyat masih belum selesai. Ini adalah satu "confession" yang berani yang menjadi syarat utama untuk menyelesaikan satu-satu masaalah, sementara pihak Pembangkang mengambil kesempatan untuk menimbulkan issue-issue bahasa yang telahpun diputuskan untuk kepentingan jangka-panjang demi tercapainya perpaduan rakyat, saya berpendapat penggunaan Bahasa Malaysia hendaklah diperluaskan lagi di kalangan seluruh rakyat. Saya berasa malu dan sedih kerana ada ahli-ahli "Peace Corps" di negara ini yang belajar Bahasa Malaysia untuk beberapa bulan sahaja, tetapi lebih fasih daripada yang pernah kita dengar di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal perpaduan rakyat, saya ingin menyarankan semoga pihak Kerajaan menggunakan kelab-kelab belia yang mempunyai ahli-ahli berbilang kaum sebagai satu daripada tempat di mana usaha-usaha untuk menyatu-padukan rakyat diusahakan. Kita juga mendengar di dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa di tahun yang akan datang kita akan ketepikan peruntukan untuk baja subsidi bagi petani-petani. Dalam mempersoalkan masaalah petani-petani khususnya di Kedah, ingin saya mengemukakan kepada Dewan ini beberapa masaalah dan cara-cara penyelesaian yang harus difikirkan dengan secepat mungkin supaya penderitaan mereka dapat cepat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, petani-petani telah banyak menerima jasa dari Kerajaan dengan adanya rancangan dua kali setahun dan petani-petani juga telah membalas budi Kerajaan dengan memperuntukkan padi yang cukup kepada negara. Hasil daripada kejayaan-kejayaan ini antara lain ialah masaalah-masaalah baharu. Dengan adanya penanaman padi dua kali setahun kita dapati untuk musim April umpamanya, padi-padi dituai di musim hujan dan ini menimbulkan masaalah, maka padi itu tidak dapat dituai dan dikering untuk dijual pada waktu yang diperlukan. Banyak padi-padi yang telah tumbuh dan saya sarankan satu usaha dibuat

supaya ada pengering-pengering yang murah yang dapat digunakan oleh petani-petani. Oleh kerana kemampuan petani untuk menuai dalam waktu yang begitu singkat menjadi satu masalah banyak petani-petani yang menjual padi mereka waktu setengah masak.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana subsidi baja sudah tidak ada lagi nanti, saya berharap Kerajaan akan mengambil langkah tegas semoga di dalam waktu harga-harga baja ini naik-turun kerana tidak ada kontrol kerana tidak ada subsidi perlu ada semakan ke atas baja-baja yang di jual oleh swasta; kalau-kalau baja-baja itu mengandungi bahan-bahan yang tidak mencukupi untuk keperluan padi.

Tuan Yang di-Pertua, antara masalah yang timbul dari kejayaan kita ialah dengan adanya penanaman padi dua kali setahun dan dengan perasaan takut yang timbul daripada orang-orang tengah, kerana nanti petani-petani tidak terikat kepada mereka, kita lihat sekarang ini petani-petani apabila menghadapi masalah kekurangan wang mengadai tanah mereka, bukan seperti dahulu untuk jangka waktu satu atau dua tahun tetapi untuk 10 hingga 15 tahun. Ini bererti jika ada rancangan Kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini di masa yang akan datang, maka masalah ini tidak dapat kita selesaikan dengan ada ikatan yang begitu lama untuk jangka masa 5-10 tahun. Saya cadangkan kepada Kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini secara menyeluruh, satu tabung sejumlah \$20 juta revolving untuk dapat kita tebus tanah-tanah petani-petani yang tergadai.

Tuan Yang di-Pertua, dahulu di waktu mula-mula Rancangan Malaysia Kedua kita banyak memberi perhatian kepada perniagaan runcit dan perniagaan borong di negara ini. Kita dengar SEDCs menubuhkan wholesale, menubuhkan kedai-kedai runcit dan kita juga dengar PERNAS-EDAR menjalankan tugas yang sama. Pada waktu itu, saya berpendapat kita sudahpun mula mengasaskan foundation di mana kita membuat perniagaan yang kecil-kecil untuk di satu hari menjadi besar. Tetapi pada hari ini saya lihat minat kepada kedai-kedai runcit dan wholesale sudah makin reda. Banyak SEDC yang sudah berhenti menjalankan perniagaan ini. Walaupun saya mengucapkan tahniah kepada pemerintah kerana

minatnya untuk mengambilalih kompeni-kompeni besar, tetapi kita jangan lupa bahawa foundation runcit dan wholesale adalah penting jika bangsa Melayu ingin mempunyai satu asas yang konkrit di dalam bidang membangun ekonomi bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini sejak merdeka kita sudah mendirikan infra-structure dengan berbagai macam badan dan saya percaya kita telah mempelajari semua badan-badan yang ada di seluruh dunia dan kita ambil yang baik-baik untuk kita adakan di negara ini. Oleh itu, masalah kita pada hari ini bukan sahaja masalah untuk mengadakan badan-badan yang baru, tetapi untuk melihat samada the quality of our men, mereka yang mentadbir badan-badan ini semuanya highly motivated ataupun mempunyai semangat yang kuat. Untuk ini ingin saya tekankan kepada sejarah Jepun di mana sejak tahun 1876 apabila Jepun di zaman peralihan Maharaja Meiji telah membuat keputusan oleh Samurais untuk masuk dalam bidang-bidang perniagaan. Maka pada hari ini Samurai-samurai sebelum 1876 yang menjadi ahli perang masuk dalam bidang perniagaan dan perniagaan yang Samurai asaskan tanpa ilmu-ilmu perdagangan sudah besar menjadi Mitsubishi, Mitsui, Kawasaki, Toyota dan Mazda. Semuanya nama-nama Samurai yang tidak pernah mempunyai ilmu-ilmu perdagangan tetapi mempunyai motivation yang kuat untuk masuk ke dalam bidang perniagaan. Kita lihat juga, umpamanya, negara yang maju di dunia ialah negara Jerman. Negara Jerman Timur paling maju di blok Kominis, negara Jerman Barat paling maju di blok kapitalis Eropah. Bererti bukan kominis atau kapitalis yang menjayakan kejayaan, tetapi bangsa Jerman, bangsa yang mempunyai semangat adventure yang motivationnya walaupun kadang-kala salah penggunaan tetapi jelas dengan mereka itu berperang dengan negara-negara jiran di Perang Dunia Kedua. Kita juga melihat bagaimana umpamanya, orang-orang di America. Who are the Americans? Siapakah Americans? Americans adalah Frenchmen, Americans ialah orang Italy, orang Spanyol, orang Portugal, orang Jerman, orang Inggeris yang merentasi lautan apabila sampai ke Amerika mereka bunuh Red Indians, mereka bunuh sesama sendiri, sebagaimana yang kita lihat dalam gambar-gambar cowboy. Kita tahu mereka itu orang-orang yang highly motivated, kita tahu orang-orang ini orang-orang yang melintas lautan dan inilah mereka yang lebih

berjaya daripada bangsa keturunan mereka yang di Eropah yang sedang menderita masalah ekonomi yang berbagai macam.

Kalau kita pelajari sejarah Inggeris kita lihat zaman kegemilangan Inggeris ialah di zaman di mana mereka menjajah negara orang, mempunyai semangat yang tinggi. Mereka melintasi lautan, ambil, hasut dan berbagai macam usaha untuk menjajah negara orang, tetapi apabila waktu ini mereka duduk di negaranya sebagai orang yang civilise dan memberi kemerdekaan kepada mereka yang dahulunya mereka jajah, kita lihat keadaan ekonominya sekarang sudah menghadapi masalah yang paling besar.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga kalau kita lihat rakan-rakan kita dalam satu negara. Kalau kita lihat negara China umpamanya, kita tahu bahawa mereka di negara keadaan ekonominya tidak baik sebagaimana rakyat yang berketurunan China yang berada di luar Negeri. Begitu juga orang-orang India yang berada di India keadaan ekonomi mereka tidak sama dengan orang-orang India yang mempunyai motivation yang tinggi dan keupayaan semangat yang kuat untuk melintasi lautan untuk masuk membawa nasib ke negara orang dan mereka berjaya di seluruh dunia, kecuali di negara sendiri kerana yang tinggal mereka yang kurang motivation. Oleh itu, di negara kita di mana kita tidak mempunyai kesempatan untuk datang dari tempat lain, kita lihat orang-orang Melayu di Malaysia yang keluar ke London, ada yang sudah punyai berbagai macam perniagaan yang besar tanpa pelajaran yang begitu tinggi.

Satu daripada saranan saya ialah dengan adanya infrastruktur, dengan adanya badan-badan di dalam negara kita di dalam berbagai bentuk, sekarang sudah sampai masanya kita berusaha menaikkan semangat untuk bekerja berusaha mengadakan kursus-kursus motivation yang hebat supaya mereka ini tidak apabila sampai kepada satu peringkat di mana mereka tidak dapat menjalankan kerja, pada waktu itu mereka itu resign, retire cari pekerjaan lain, kerana tidak dapat menahan

pressure kerja pada satu-satu Jabatan. Pendek kata, setengah daripada mereka yang lari ini kita anggap sebagai mereka yang sudah sampai kepada level of incompetence feeders principle, naik pangkat ke pangkat yang tidak mereka punya kelayakan padanya. Oleh itu, untuk menyelesaikan masalah ini, saya fikir institute of motivation ataupun motivation institute perlu di negara ini. Tetapi satu umat yang motivationnya tinggi tanpa ugama dan tanpa ajaran rohani, kalau kita naikkan semangat tanpa kerohanian saya takut kalau-kalau kita lihat banyak lelaki yang bersemangat ganas-ganas yang tidak mempunyai jiwa beragama. Oleh itu, saya juga mencadangkan supaya dikenakan cukai kepada orang-orang Islam yang mampu dan berkeinginan untuk dimasukkan cukai itu ke dalam tabung dakwah, kerana saya percaya usaha dakwah ini perlu dipesatkan lagi dan menjadi tanggungjawab tiap-tiap umat Islam yang berkemampuan membayar cukai untuk tabung yang demikian.

Saya tahu ada negara-negara di Eropah yang dipotong gaji pekerja 13% untuk gereja dan sekarang gereja negeri Eropah itu merupakan dewan gereja yang terkaya di dunia dan dapat mereka menjalankan berbagai macam kursus untuk kepentingan kalangan Kristian. Cukai ini, kalau dilaksanakan, tidak akan kena kepada mereka yang tidak mampu dan tidak akan mengena kepada mereka yang tidak mahu dan tidak akan mengena kepada orang-orang yang bukan Islam, kecuali mereka mahu menderma untuk tabung ini. Tetapi, cukai ini, saya percaya kalau sudah di buat tentu ada mereka, insan-insan yang merasai nikmat Tuhan di bumi ini sanggup mereka mengeluarkan sebahagian daripada wang mereka untuk tujuan menengakkan ugama Tuhan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat boleh sambung esok. Mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.